

***FELCRA***  
***Berhad***

PERJALANAN BERLIKU  
MENGUKIR KEJAYAAN

# Isi Kandungan

<b>BAB</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Satu : FELCRA Selintas Lalu, Sepintas Sejarah	15
Dua : Lonjakan Transformasi Pengkorporatan	47
Tiga : Ranjau Diredah, Kerikil Diinjak	67
Empat : Tanggungjawab Sosial Amanah Dijunjung	83
Lima : Jaringan Perniagaan Tersebar Luas	97
Enam : Jejak Jaya Terukir Kukuh	109
Tujuh : Penggerak dan Pemacu yang Mewarnai FELCRA	125
Lapan : Melangkah Ke hadapan, Lestarikan Kejayaan	139




# Garis Masa FELCRA

**1966**  
Akta  
Penubuhan

**1967**  
Rancangan  
Tanah Pinggir  
(4 Buah)

**1972**  
Rancangan  
Tanah Belia



**1976**  
Rancangan  
Orang Asli

**1978**  
Rancangan  
Sarawak  
(RASCUM)

**1978**  
In-situ (3 Buah)  
-Teratak batu  
-Kg. Kok  
-Ulu Brang

**1981**  
Rancangan IADP  
Seberang Perak

**1982**  
KESBAN  
25 KM dari Sempadan  
Kg. Lawar, Kelantan  
Bukit Buloh, Perak  
(Rancangan Keselamatan)

**1984**  
Tanah terbiar kajian  
EPU 565,000 ekar  
tanah terbiar

**1985**  
Jemputan  
memasuki  
Sarawak

**1986-1987**  
PPSK Salong  
Seri mendapat  
Rumput Makmur  
Kilang Sawit  
pertama - Bukit  
Kepong

**1994**  
FELCRA  
memasuki  
Sabah

**1995**  
Desa  
Wawasan

**1996**  
Sarawak  
Tanah  
Adat

**1997**  
Akta Pengkorporatan  
Persiapan ke arah  
Pengkorporatan

**1998**  
Anak Syarikat Pertama  
- FELCRA  
Agro Industri Sdn. Bhd.  
Estate Usahasama  
Pertama FELCRA  
Berhad - FELCRA  
Balingian

**2000**  
Estate Milik penuh  
FELCRA Berhad -  
Estate Perdana



**2006**  
Agropolitan  
Pulau Banggi,  
Sabah

**2008**  
Agropolitan  
Batang Sadong,  
Sarawak.

**2012**  
Perumahan  
Gen 2 Seberang  
Perak

**2015**  
Pelancaran  
Menara FELCRA  
Berhad

# 5 DASAWARSA YANG MENCABAR

“Hasrat penubuhan FELCRA adalah untuk memberikan peluang pekerjaan kepada belia-belia dan keluarga mereka dengan pembukaan tanah untuk diusahakan. Peningkatan taraf ekonomi ini boleh dicapai melalui peningkatan daya pengeluaran melalui kaedah pertanian moden yang sistematik.”

Tun Haji Abdul Razak Bin Dato' Hussein  
Perdana Menteri Malaysia yang Kedua

*(Daripada Sumber: Ucapan YAB Tun Abdul Razak dalam tahun 1964  
ketika mengumumkan hasrat kerajaan untuk menubuhkan FELCRA)*

**B**ermula dengan gagasan murni untuk meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar, FELCRA melalui evolusi berhasrat untuk menjadi konglomerat yang berjaya tanpa mengetepikan gagasan asal.

# 5 DASAWARSA YANG MENCABAR

“Kejayaan FELCRA Berhad untuk merealisasikan luar bandar dengan mewujudkan pinggir bandar dan buktinya telah dapat kita saksikan dengan mata sendiri.”

YAB Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Haji Abdul Razak,  
Perdana Menteri Malaysia

*(Daripada sumber Utusan Malaysia 2 September 2014)*

## Evolusi Logo FELCRA



**1966 -1970**

Tulisan Lembaga Pemuliharaan dan Penyatuan Tanah Negara melingkari bulatan melambangkan pendekatan menyeluruh dalam pembangunan tanah. Peta Semenanjung Tanah Melayu di tengah bulatan menunjukkan tumpuan utama ketika itu bagi pembangunan tanah di Semenanjung.



**1971 -1972**

Logo ini memaparkan daun getah dan kelapa sawit yang merupakan tanaman utama FELCRA ketika itu. Terdapat empat petak yang dipisahkan oleh bentuk bintang yang melambangkan empat program pembangunan tanah iaitu, pemuliharaan, penyatuan, tanah pinggir dan tanah belia. Bulatan yang merangkumi lambang-lambang tersebut membawa makna pendekatan bersepadu yang diamalkan oleh FELCRA.



**1997 sehingga kini**

Logo FELCRA Berhad merupakan ekspresi pencapaian matlamat dan objektif organisasi ini. Rekabentuk logo menunjukkan tanda-tanda perubahan dalam imej dan hala tuju korporatnya. Jalinan warna merah, biru dan putih adalah bersamaan dengan jalinan warna Jalur Gemilang - Bendera Nasional. BIRU ialah warna global yang mewakili dunia perniagaan; MERAH ialah lambang semangat yang dinamik dan PUTIH melambangkan kecekapan dan keikhlasan. Rekabentuk logo ini diilhamkan daripada gagasan pelan pengembangan FELCRA Berhad.

Bentuk rombus mewakili bentuk asas daun yang mendasari pertanian. Rombus berwarna biru mewakili 'core-business' sebagai asas pembentukan ke arah konglomerat yang berjaya. Rombus berwarna merah mewakili tiga pelan pengembangan perniagaan FELCRA Berhad, iaitu dari segi pengembangan "horizontal", "vertical" dan geografi.

Ikatan rombus itu juga melambangkan kesepaduan antara peserta, warga kerja dan komuniti perniagaan FELCRA Berhad untuk menjayakan visi dan misi FELCRA Berhad.



**1973 -1985**

Huruf FELCRA berlatarbelakangkan warna hijau menggambarkan teras aktiviti FELCRA berasaskan pertanian.



**1986 -1997**

Dua huruf jawi 'ف' bererti pemuliharaan dan penyatuan, manakala bulatan di atas melambangkan komuniti FELCRA terdiri daripada peserta dan kakitangan yang bersatu padu dalam usaha murni. Ini digabungkan dalam sempadan berwarna ungu (FELCRA Purple) yang merupakan adunan dua warna iaitu biru dan merah. Warna biru mewakili kecekapan teknikal, merah menunjukkan keberanian dan warna putih yang menjadi latar belakang melambangkan keikhlasan dalam membangunkan masyarakat luar bandar.

## Kata-kata Aluan Menteri

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah atas usaha FELCRA menerbitkan buku sempena ulang tahun ke50 penubuhannya. Lima dasawarsa telah berlalu yang telah menyaksikan FELCRA yang bertatih di peringkat awalnya kini menjadi syarikat konglomerat yang bertapak kukuh. Ini juga membuktikan kejayaan polisi kerajaan dalam pembangunan tanah untuk kesejahteraan rakyat terutamanya masyarakat luar bandar. Tidak dapat dinafikan yang landskap luar bandar telah berubah dari desa terpencil menjadi bandar penempatan baru dengan kegiatan sosioekonomi yang rancak.

Komitmen kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup dan pendapatan penduduk luar bandar melalui pembangunan tanah telah terbukti. Diharap buku ini akan menjadi bahan rujukan hasil kerjasama erat dan bermanfaat antara pihak kerajaan dengan agensi pelaksana.



YB. Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob  
Menteri Kemajuan Luar Bandar & Wilayah

## Kata-kata Aluan Pengerusi

Setinggi-tahniah atas inisiatif FELCRA dalam menerbitkan buku "Perjalanan Berliku Mengukir Kejayaan" ini. Buku ini melakarkan sejarah FELCRA selama lima dekad penubuhannya dan transformasi daripada bidang perladangan kepada bidang korporat dengan kegiatan pelbagai. Buku ini juga merakamkan suka duka, indah manis yang dilalui oleh peserta dan warga kerja FELCRA dalam melalui cabaran yang berliku dan kepayahan untuk mencapai kejayaan.

Apa-apa yang dapat digarap daripada sejarah FELCRA ini merupakan kegigihan peserta yang bertungkus lumus membanting tulang untuk berusaha dan menjayakan rancangan tanah yang diamanahkan kepada mereka. Tanpa keyakinan dan semangat kental, tidak ada kejayaan yang dapat dicapai.

Yang menarik dalam pengkisahan ini ialah bagaimana masyarakat desa telah berubah dari segi sosioekonomi sikap dan subminda dalam tempoh dua generasi. Perubahan radikal ini membuktikan hasrat murni kerajaan bagi menaikkan taraf kehidupan penduduk luar bandar telah membuahkan hasil.

Saya berharap buku ini bukan sahaja menjadi perakam sejarah tetapi juga dapat menjadi panduan bagi pembangunan tanah dan desa yang lain.



YB. Dato' Sri Bung Moktar Radin  
Pengerusi FELCRA Berhad

## Kata-kata Aluan Ketua Pegawai Eksekutif

Lima dekad merupakan tempoh yang lama dalam sejarah kelangsungan korporat masa kini. Terbukti FELCRA telah dapat mengharungi tempoh aliran kewujudannya dan berdiri teguh sebagai badan korporat yang berjaya. Usaha merakamkan sejarah ini adalah usaha yang terpuji dan dialu-alukan.

Namun dalam percaturan perniagaan dan korporat kejayaan lepas tidak dapat dijadikan sandaran untuk menjamin prestasi masa depan walaupun hal ini boleh dijadikan panduan. Perubahan dinamik dan pantas dalam dunia perniagaan menuntut pendekatan baharu, berinovatif dan pencorakan bidang perniagaan yang berpotensi. Berlandaskan asas yang kukuh saya yakin FELCRA akan berupaya menempuh segala cabaran perniagaan dan berdiri teguh untuk lima dekad yang akan datang.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak kerajaan, warga kerja FELCRA dan peserta yang telah bekerjasama erat dalam menjayakan gagasan FELCRA. Buku ini menjadi rekod hasil kerjasama tersebut dan saya berbangga atas inisiatif mereka yang menghasilkan buku ini.



YBhg. Tuan Zulkarnain Bin Md. Eusope  
Ketua Pegawai Eksekutif FELCRA Berhad

### MEMOIR FELCRA DARI INSAN YANG DEKAT

*"Kekuatan kata-kata yang diserlahkan melalui susunan bicara yang puitis dan terpilih akan menerap terus ke ruang emosi dan menjadi ingatan yang berpanjangan.*

*Memoir FELCRA dari insan yang dekat adalah merupakan kombinasi cetusan rasa dari kita bersama, yang mahu melihat kejayaan FELCRA.*

*Cuma, cetusan rasa itu kini, datangnya dari dua sudut yang berbeza tetapi disimpai oleh doa yang sama."*

*Tigapuluh satu matahari kita bina tapak ini bersama dari sebuah rumah hutan hingga terdiri istana dengan barisan pemimpin yang tegas semangat memanjat tangga hakikat*

*Dengan pendokong yang kaya muafakat membangun tiang harap tanpa tersia segala tindak tiga dekad melakar peta hutan menjadi ladang kencana memugar paya bakau menjelmakan sawah emas*

*Taraf masyarakat desa dianjak paradigma kemajuan teras bertindak menggerak wawasan desa masa depan menjangkau hari lusa dengan transformasi bermisi dari puncak mercu menara usaha ini tersorot kebanggaan dengan prisma pembangunan Felcra bernadi dengan degupan jantung Malaysia kemilau warna keghahan menyerlah*

*Kita tidak lagi meniti kesempatan titi arah dan celiknya September '97 bakal menukil sejarah*

*Disini, dua persimpangan tercepat di laman istana indah nyata menuntut hukum pilihan paling mutlak meraih sekian pengorbanan yang sukar diterjemahkan melolong sejalur sebab sukma terlalu payah ditafsirkan kerana disini, sejuta pengalaman telah menjadi guru sekian sejarah telah begitu tertib mencatat pengertian*

*Memilih jalan keluar bukan menolak pakatan menolak juadah terhidang bukan rajuk penentangan namun hakikat penghidupan apa pun pilihan itulah ketentuan Tuhan apa pun ketentuan Tuhan pasti terbaik buat semua insan*

*Justeru di persimpangan ini kita bakal meleraikan satu ikatan yang telah lama tersimpul bagai tergetus setangkai ngilu di ufuk nuraga*

*Perpisahan, meski tidak selalu membawa makna perceraian namun pastinya menyiat ratapan batiniah apalagi pada laman istana baru yang diimpi kita kehilangan sekian awak dan sateri yang bermusim menumpahkan setia bersama membentuk ayat dan hayat bersatu menjinjing teras dan keras perjuangan*

*Bukan wenang membebat luka perpisahan kerana parut kenangan tidak mudah luput di batin ingatan*

*Di halaman ini, istana ini bakal disalut warna baru taman yang damai dan rimbun perteduhan bakal disepuh angin perubahan jadikanlah ia inderaloka permai tempat mengutip pualam bangunkan ia dengan tiang-tiang tegap penyanggah walang*

*Pada persada yang bakal terbentang jangan dicalit arang pada taman yang pernah menguntumkan keakraban ini jangan ditaburi duri*

*Selamat terbang burung-burung baru kiraikan sayapmu merentasi arakan awan tanpa ragu sekali-sekali usah lupa pada sangkar yang dahulu membesarkan kerana padi yang pernah kau cicip di sini telah menjadi darah di dalam dagingmu*

*Sesungguhnya kita sentiasa dekat walaupun terpisah oleh yang lain.....*

*Nukilan ikhlas:  
Sazalee Haji Yaacob  
Felcra Gugusan Batu 8  
Sijangkang*





## Satu

### FELCRA SELINTAS LALU, SEPINTAS SEJARAH

Merakamkan cetusan gagasan yang membawa kewujudan FELCRA dan fungsi-fungsi yang diamanahkan kepadanya, di samping menyerlahkan ciri-ciri utama FELCRA yang membezakan institusi ini dengan institusi pembangunan tanah yang lain dalam rangka membantu kerajaan untuk membangun dan memajukan luar bandar.



*Siasatan awal Program Pemulihan Tanah.*

## **BERMULANYA SATU PERJALANAN**

Kemerdekaan negara yang dicapai dalam tahun 1957 membolehkan pembuat dasar untuk merangka pembangunan masyarakat luar bandar yang majoritinya penduduk Melayu dengan lebih agresif dan tersusun. Penubuhan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar pada tahun 1959 merupakan peneraju utama dalam melaksanakan program pembangunan. Bermula dengan buku merah (*Red Book*) yang membutirkan pembangunan ekonomi luar bandar pada tahun 1960. Tumpuannya ialah penyediaan infrastruktur dan kemudahan asas, pembukaan tanah dan pembangunan wilayah. Hal ini diikuti dengan gerakan maju, jaya diri dan gerakan pembaharuan dengan tujuan menukar paradigma dan cara hidup tradisi orang Melayu supaya mereka dapat mengadaptasi rancangan pembangunan yang dilancarkan oleh kerajaan.

Gerakan bumi hijau pula disasarkan untuk menarik perhatian rakyat dalam rancangan penggunaan tanah, tanaman jangka pendek, kebun berkelompok, ternakan dan peliharaan ikan air tawar. Program pembangunan desa bersepadu telah dilaksanakan supaya pembangunan luar bandar lebih fokus kepada kumpulan sasar atau kawasan tertentu.

Pendekatan ini pada awalnya memberikan tumpuan kepada pembangunan kawasan diperluas kepada program pembangunan pertanian bersepadu. Program tersebut telah menyediakan asas kemudahan infrastruktur dan menganjak perubahan minda untuk menerima pembangunan institusi yang bercambah dengan giat selepas itu.

Pemacu utama dalam program pembangunan luar bandar ini ialah Allahyarham Tun Abdul Razak bin Hussein. Beliau dikreditkan dengan pembangunan institusi yang melonjak gandakan pertumbuhan ekonomi seperti pembangunan tanah dan kawasan, perniagaan dan pendidikan. Tun Abdul Razak juga telah melakukan beberapa inovasi dalam pentadbiran kerajaan dan contoh yang menonjol ialah Bilik Gerakan (*Operation Room*) yang mengawasi kemajuan terperinci setiap program kerajaan yang telah dilancarkan supaya pembedahan segera kelemahan yang ada. Di bawah pengawasan Tun Abdul Razak seperti institusi FELDA, RISDA, FELCRA, PERNAS, Institut Teknologi Mara (ITM), Pertubuhan Peladang dan sebagainya bercambah subur.



*Kerja-kerja pembangunan awal ladang.*



Kerja-kerja penebangan dan pembersihan kawasan.

Pembangunan tanah dan kawasan yang pertama ialah penubuhan FELDA pada tahun 1956 di bawah Rancangan Malaya Pertama (1956-1960). Dalam tempoh Rancangan Malaya Kedua (1960-1965) beberapa kemajuan telah dicapai terutamanya dari segi peningkatan taraf hidup rakyat luar bandar dan kewujudan peluang-peluang pekerjaan. Hal ini diikuti oleh Rancangan Malaysia Pertama (1966-1970) yang mengemukakan strategi pertumbuhan ekonomi dan pembangunan modal insan.

Kejayaan model FELDA dalam pembukaan tanah baharu dan kawasan telah mencetuskan gagasan kepada pembuat dasar untuk membangunkan kawasan yang telah sedia ada, terbiar dan tidak menghasilkan pulangan ekonomi yang memuaskan. Sebelum ini kerajaan negeri telah

menjalankan inisiatif dengan memberikan hak milik tanah kepada penduduk untuk diusahakan tetapi tidak menempa kejayaan yang diharapkan.

Model pembangunan yang baharu dicuba untuk memulihkan tanah terbiar ini dan menyatukan kelompok yang kecil supaya ekonomi berskala dapat dicapai dan ditanam dengan tanaman komersial. Bertolak atas prinsip ini, **Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara** atau FELCRA telah diwujudkan di bawah Akta Parlimen 1966 dan diberikan peruntukan pembangunan dalam Rancangan Malaysia Pertama (1966-1970).



### Laporan Tahunan Bagi 15 Bulan Berakhir 31hb Disember, 1967

#### Pendahuluan

1. Ini adalah laporan Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara yang pertama sekali. Laporan ini meliputi jangka masa lima belas bulan, daripada 1hb Oktober, 1966, tarikh Lembaga ini ditubuhkan, hingga 31hb Disember, 1967.

#### Penubuhan Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara

2. Lembaga ini telah ditubuhkan di bawah kuasa Act (Memperbadankan) Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara, 1966 yang mana telah dikuatkuasakan pada 1hb April, 1966. Sadikit pinda'an yang kecil pada Act ini telah di-buat pada 12hb Mei, 1966.

3. Shor menubuhkan Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara sebagai satu badan yang berkanon telah di-buat oleh satu Jawatan Kuasa Kerja yang di-lantik oleh Kerajaan dalam bulan Oktober, 1964 dengan tugas berikut:—

- (a) untuk menyediakan satu undang2 untuk menubuhkan satu perbadanan yang berkanon bagi menjalankan tugas2 seperti berikut:—
  - (i) memulih semula dan memajukan kawasan2 termasuk tanah2 milek yang berpecah2 (fragmented land holdings), kawasan ranchangan tanah pinggir, ranchangan tanah terkawal dan tanah2 baharu terkumpul dan/atau kawasan2 yang berhampiran dengan kawasan2 ini di-mana di-dapati kebanyakan tanah2 milek ada-lah kecil dan tidak berekonomik;
  - (ii) memajukan kawasan atau tanah2 ini supaya mengeluarkan hasil yang cemerlang serta mengkaji hendak memperbagaikan tanaman dengan tujuan memberi pekebun2 peluang mendapat pendapatan yang chukop;

4

(Sumber dari Laporan Tahunan dan Penyata Kira2 Lembaga Pemulihan Dan Penyatuan Tanah Negara 1966-1967).

## Objektif Penubuhan FELCRA

(iii) menentukan supaya penduduk2 yang berlebihan di-kawasan yang di-majukan oleh Lembaga di-beri kawasan yang sesuai untuk di-majukan atau kawasan2 yang telah di-majukan sama ada dengan jalan Lembaga memajukan kawasan yang berhampiran atau melalui kerjasama dengan Lembaga Kemajuan Tanah Perskutuan; dan

(iv) mengurus, memberi nasehat serta membantu pemilek2 tanah setelah di-puleh semula dengan tujuan menentukan supaya pekebun2 ini menjalankan chara pertanian yang elok dan sempurna.

(b) membuat shor2 mengenai peruntukan kewangan bagi Lembaga untuk menjalankan kerja2 dan tugas-nya; dan

(c) membuat shor2 mengenai kakitangan, penyelenggara'an dan pentadbiran bagi Lembaga.

4. Dalam laporan-nya Jawatan Kuasa Kerja berpendapat bahawa ada-lah mustahak bagi Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara ini di-tuboh terutama sekali oleh sebab ada-lah di-dapati bahawa ranchangan2 tanah seumpama Ranchangan Tanah Pinggir, Ranchangan Tanah Terkawal dan Ranchangan Tanah Baharu Terkumpul yang di-kekelola oleh Kerajaan Negeri tidak-lah begitu memuaskan sebagaimana di-jangka dan di-kehendaki di-puleh semula dengan segera-nya demi kepentingan pembangunan negara, dan kedua-nya ada-lah di-dapati mustahak supaya langkah di-ambil untuk menyatukan kesemua tanah2 yang di-dapati kecil dan tidak berekonomik di-kawasan luar bandar. Dengan ini Jawatan Kuasa Kerja telah berhadang supaya Lembaga ini di-beri tugas seperti berikut:—

- (a) menjalankan kerja2 memulih semula Ranchangan2 Tanah Pinggir, Ranchangan2 Tanah Terkawal dan Ranchangan2 Tanah Baharu Terkumpul;
- (b) mengelola dan memajukan Ranchangan2 Tanah Pinggir bagi pihak Kerajaan Negeri; dan
- (c) menjalankan kerja2 pemuliharaan dan penyatuan tanah2 milek yang tidak berekonomik dengan permintaan atau persetujuan tuan punya tanah.

5. Segala shor2 Jawatan Kuasa Kerja telah di-terima oleh Kerajaan dan dengan sedemikian Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara telah ditubuhkan di-bawah Act (Memperbadankan) Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara, 1966.

5



### **KEUNIKAN FELCRA BERBANDING DENGAN AGENSI PEMBANGUNAN TANAH LAIN**

FELCRA membawa konotasi pemulihan dan penyatuan tanah sebagai fungsi pewujudannya. Terdapat dua kategori tanah, iaitu tanah pinggir kerajaan yang bermasalah dan tanah milik peserta yang terbiar dan berselerak. Dalam hal ini, FELCRA mengambil peranan untuk memulihkan tanah tersebut untuk dibangunkan dengan tanaman komersial dan cara pertanian moden serta sistematik. Untuk itu, pemegang tanah perlu menyerahkan tanah tersebut untuk dibangunkan oleh FELCRA mengikut satu perjanjian yang ditandatangani. Perjanjian tersebut mengikut kitaran hayat tanaman atau 25 tahun. Kos pembangunan bagi membangunkan tanah didahulukan oleh FELCRA dan peserta membayar balik pinjaman melalui hasil keluaran dalam tempoh yang ditetapkan. Pengurusan dan pemasaran hasil juga diselenggarakan sepenuhnya oleh FELCRA.

Kategori tanah yang kedua ialah tanah kerajaan di bawah akta GSA 1960 (Group Settlement Area 1960) dan KTN 1965 (Kanun Tanah Negara 1965). Rancangan tanah yang terlibat dalam skim ini ialah Rancangan Tanah Belia dan Rancangan Tanah Berkelompok. Di bawah konsep ini FELCRA dengan kerjasama kerajaan-kerajaan negeri membangunkan tanah tersebut dan seterusnya memilih penduduk-penduduk setempat yang tidak bertanah untuk menyertai rancangan ini.

Kos pembangunan untuk memajukan tanah dibiayai melalui pinjaman mudah kerajaan. Kerajaan juga memberikan peruntukan geran untuk membiayai kos prasarana asas seperti jalan masuk ke rancangan, kemudahan sosial dan pengurusan. Urusan

pentadbiran dan kewangan serta pembangunan tanah dikendalikan oleh FELCRA. Setelah ditolak kos penyelenggaraan dan caj yang ditetapkan, keuntungan akan dibahagikan antara peserta dan mengikut kadar pegangan tanah masing-masing.

Pemulihan dan penyatuan tanah ini memberikan faedah kepada peserta. Pertama, tanah mereka yang terbiar dibangunkan dengan tanaman komersial dan dapat memberikan pendapatan yang lumayan. Di samping itu, mereka boleh bekerja dan mengambil upah dalam pembangunan tanah tersebut. Apabila tanah tersebut telah dibangunkan dengan tanaman komersial, nilai pasaran tanah tersebut juga akan meningkat.



Projek Pemulihan Tanah Pinggir - FELCRA Gong, Temerloh, Pahang. Aktiviti membersihkan bulatan tanaman secara manual.

## Empat Rancangan Pemuliharaan Tanah Pinggir Kerajaan Negeri



## CIRI-CIRI UTAMA

Berbeza daripada rancangan pembangunan tanah yang lain, FELCRA mempunyai ciri-ciri berikut:

### Pemulihan dan Penyatuan *Raison De Etre* FELCRA

Untuk memulihkan dan membangunkan semula rancangan tanah pinggir kerajaan negeri adalah tugas utama yang dipertanggungjawabkan kepada FELCRA. Tanah yang diusahakan secara berkelompok dan telah ditentukan lot perseorangan antara 3 ekar hingga 8 ekar atas sebab tertentu gagal dimajukan dan diserahkan kepada FELCRA atas inisiatif kerajaan negeri dengan persetujuan peserta. Berdasarkan perancangan yang baik, kesesuaian tanah dan pengurusan bersepadu peserta dapat menikmati faedah, hasil dan keuntungan daripada tanah tersebut.

FELCRA telah memulakan pemulihan empat kawasan rancangan tanah pinggir kerajaan negeri sebagai percubaan untuk mendapat pengalaman yang cukup sebelum memulakan kerja yang lebih besar. Rancangan yang dipulihkan semula ialah rancangan tanah pinggir Simpang Renggam - Johor, Ayer Hitam - Negeri Sembilan, Gong Temerloh - Pahang dan rancangan Kampung Rasau "A" - Perak. Keluasan tanah yang terlibat ialah 4265 ekar untuk 547 peserta.

“ Pada 19 Ogos, 1967 satu perjanjian telah di-tanda tangani antara Lembaga dengan Kerajaan Malaysia untuk pinjaman sebanyak \$732,000 bagi membiayai pembangunan rancangan ini. ”

*(Sumber daripada Laporan Tahunan dan Penyata Kira2 Lembaga Pemuliharaan Dan Penyatuan Tanah Negara 1966-1967: 17).*



*Projek Tanah Pinggir - FELCRA Seri Wangi, Batu Pahat, Johor.*

### Tanah Pinggir Tidak Lagi Dipinggirkan

Perubahan dasar oleh Kerajaan Persekutuan dalam pembukaan tanah-tanah baharu oleh kerajaan negeri pada tahun 1970 telah melibatkan FELCRA secara aktif dalam pembangunan tanah pinggir. FELCRA diberi tanggungjawab tersebut kerana kebanyakan rancangan tanah pinggir yang diusahakan oleh kerajaan negeri telah mengalami kegagalan.

Dari segi konsep, tidak banyak perubahan dalam rancangan tanah pinggir FELCRA dan kerajaan negeri. Tanah pinggir ditakrifkan sebagai tanah yang berada di sekitar 3 batu kawasan kampung dengan pegangan yang tidak ekonomi, iaitu kurang daripada 8 ekar. Dari segi perlaksanaannya terdapat perbezaan. Dahulunya lot-lot tanah yang diagihkan oleh kerajaan Negeri kepada penduduk

kampung diusahakan sendiri oleh mereka tanpa penyeliaan yang rapi. Melalui rancangan FELCRA ladang-ladang tersebut diusahakan secara estetik komersial dengan bantuan teknikal dan penyeliaan yang sepatutnya.

Mengikut sistem ini, peserta diberi saham mengikut keluasan tanah mereka dan mereka mendapat pendapatan dalam bentuk dividen secara berkala. Di samping itu, mereka berpeluang untuk bekerja bagi mengusahakan tanah tersebut dan dibayar gaji oleh FELCRA. Setiap perbelanjaan dan pendapatan berkaitan dengan tanah itu diurus dalam satu akaun yang dikendalikan oleh FELCRA.



*Lawatan kerja YB Dato' Mohd Asri Bin Muda, Menteri Kemajuan Tanah dan Tugas-Tugas Khas di Rancangan Belia FELCRA Bukit Kepong, Muar, Johor.*



*Rancangan Penempatan Semula Orang Asli - Projek FELCRA Kemar, Grik, Perak.*

### **Belia Harapan Negara**

Rusuhan kaum pada tahun 1969 telah menyedarkan pihak berkuasa akan pentingnya merapatkan jurang pendapatan antara kaum. Satu cara yang jelas adalah memberikan pekerjaan kepada mereka yang tidak mempunyai pekerjaan terutama golongan belia yang semakin meningkat. Atas arahan Majlis Tindakan Negara di bawah Rancangan Malaysia Kedua (1972-1975) FELCRA telah diarahkan untuk membuka tanah seluas 24,250 hektar khusus untuk belia.

Belia yang berusia 17-23 tahun telah dipilih untuk menjalani kursus di pusat latihan belia pelopor negara di Dusun Tua dalam bidang asas

pertanian. Sebelum mendapat hasil daripada tanaman yang diusahakan mereka diberi elaun bulanan.

Di samping itu, mereka digalakkan memelihara ternakan dan mengusahakan tanaman jangka pendek. Mereka juga diberi peluang untuk memberikan pendapat dalam pelaksanaan rancangan itu. Ini untuk mendedahkan mereka tentang pengurusan rancangan dan memberi keyakinan diri bagi mereka untuk berusaha sendiri nanti.

Empat Rancangan Tanah Belia yang terawal telah dibangunkan pada tahun 1972, iaitu Rancangan Tanah Belia Lekir - Perak, Bukit Kapah - Terengganu, Sungai Labis 1 (Bukit Kepong) - Johor dan Ramuan Cina - Melaka.

### **Orang Asli Tidak Dipinggirkan**

Penglibatan FELCRA dalam pembangunan rancangan orang asli (ROA) ialah hasil daripada arahan kerajaan untuk memajukan masyarakat orang asli supaya tidak tertinggal dalam arus pembangunan. Di samping itu, turut diwujudkan juga rancangan penempatan semula (RPS) bagi memindahkan penempatan orang asli yang terdedah kepada ancaman komunis ke tempat yang lebih selamat.

Pada tahun 1976, FELCRA telah diberi tanggungjawab untuk memajukan tanah-tanah ROA. Rancangan tanah orang Asli yang pertama dibuka ialah rancangan orang Asli Redang Punggur seluas 162 hektar bersebelahan dengan projek penyatuan dan pemulihan Rancangan Redang Punggur 1, Langkap, Perak. Sehingga kini FELCRA telah memajukan 47 buah projek orang Asli dengan keluasan 7,975 hektar melibatkan 3,500 orang peserta.



*Rancangan Penempatan Semula Orang Asli - Projek FELCRA Kemar, Grik, Perak.*

### FELCRA Turut Membantu dalam Faktor Keselamatan

FELCRA juga terlibat secara bersama dengan agensi kerajaan yang lain untuk meningkatkan tahap keselamatan dan menaikkan taraf sosioekonomi penduduk di negeri-negeri yang bersempadan dengan Thailand, iaitu Perlis, Kedah, Perak dan Kelantan. Kawasan ini dikenali sebagai KESBAN (Keselamatan dan Pembangunan) yang meliputi 507 km sepanjang sempadan dan 25 km di sebelah selatan. FELCRA memajukan tanah seluas 9,268 ekar dalam kawasan tersebut.

Antara rancangan KESBAN yang terawal dibangunkan termasuklah Kampung Lawar - Kelantan seluas 179.35 hektar dengan bilangan peserta sebanyak 95 orang dan kemudian diikuti dengan Rancangan FELCRA Tumbi Rapat dan Rancangan FELCRA Dabong - Kelantan. Projek-projek ini telah ditanam dengan tanaman getah.



Rancangan FELCRA Kampung Lawar, Jeli, Kelantan.



Lawatan DYMM Sultan Perak - Sultan Idris Shah ke Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Projek FELCRA Seberang Perak (Sungai Dedap) pada tahun 1974.

### Seberang Perak (Hutan Paya Menjadi Jelapang Padi)

Kawasan hutan berpaya di Seberang Perak dikenal pasti sebagai kawasan yang berpotensi untuk dimajukan. Menurut kajian dalam tahun 1976, tanaman yang sesuai untuk ditanam ialah kelapa sawit, padi dan koko. Oleh sebab kawasan tersebut berada dilingkungan jelapang padi negara kerajaan menumpukan perhatian pada tanaman padi untuk memenuhi keperluan dan permintaan yang meningkat terhadap bahan itu.

Yang menariknya, projek ini dilaksanakan melalui pendekatan bersepadu dengan FELCRA diberi peranan utama sebagai agensi peneraju. Lebih daripada 20 agensi kerajaan telah diselaraskan dalam pembangunan bersepadu ini yang melibatkan kawasan seluas 13,027 hektar dan seluas 742 hektar diperuntukkan untuk pembinaan bandar baharu yang dikenali sebagai Bandar Baru Seberang Perak. Kerajaan telah mengeluarkan biaya yang banyak untuk membina sistem perparitan dan saluran, prasarana asas serta kemudahan sosial bagi masyarakat setempat. Kebolehdaya maju projek ini telah menarik pembiayaan daripada Bank Dunia.



Aktiviti pemindahan gajah liar dari Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu, Seberang Perak.



## Meneroka Bumi Kenyalang

FELCRA mengorak langkah ke Sarawak atas arahan Jawatankuasa Keselamatan Negara dengan penglibatannya dalam projek RASCOM (Pemerintahan Keselamatan Kawasan Rajang). Empat projek RASCOM, iaitu Nanga Tada, Nanga Ngungun, Nanga Jagau dan Nanga Sekuau. Selama lebih 10 tahun FELCRA membantu masyarakat desa-desa tersebut menguruskan tanah mereka secara produktif sehinggalah tahun 1994 FELCRA menyerahkan kembali tanggungjawab tersebut kepada kerajaan negeri Sarawak.

Pembangunan di luar kawasan RASCOM bermula pada tahun 1987 berikutan dengan pindaan Akta FELCRA yang membenarkan FELCRA memajukan tanah di negeri Sarawak. Rancangan pertama yang dibangunkan ialah Rancangan FELCRA Kabong 1, Seri Aman seluas 17 hektar dengan melibatkan 9 peserta dengan tanaman koko yang kemudian ditukar kepada sawit. Kemasukan FELCRA ke Sarawak adalah atas inisiatif Menteri Pembangunan Kemajuan Tanah dan Wilayah pada ketika itu, YB Dato' Dr. Sulaiman bin Daud dan beliau yang telah merasmikan projek Rancangan FELCRA Kabong pada tahun 1987.



Tanaman utama iaitu lada hitam semasa pembangunan di Projek RASCOM Nanga Ngungun, Sibiu, Sarawak.



Tanaman koko semasa pembangunan awal di Sarawak.

# AKTA FELCRA

Akta Asal: National Land Rehabilitation and Consolidation Authority (Incorporation) Act 1966 atau Akta 22 tahun 1966 (Berkuatkuasa 1 April 1966)

Pindaan-Pindaan:	
Akta 41 Tahun 1966 (Berkuatkuasa 1 Mei 1966)	Akta Pilihan (Kecil) bagi membolehkan panggilan nama Pengurus Besar
Akta 1971 (Berkuatkuasa 1 Mei 1971)	Akta Pindaan (Kecil) bagi Pertukaran Nama Kementerian yang bertanggungjawab kepada FELCRA dari 'Ministry of Agriculture and Co-operatives' kepada 'Ministry of National and Rural Development'
Akta A231 Tahun 1974 (Berkuatkuasa 1 Jan 1973) 'Kementerian'	Akta Pindaan (Kecil) bagi mnehuraikan maks perataan 'Kementerian'
Akta A637 (Memperbadankan) Lembaga pemuliharaan dan Penyatuan Tanah Negara (Pindaan) 1985 (Berkuatkuasa 31 Disember 1985)	Akta Pindaan (besar-substantial) bagi membolehkan FELCRA beroperasi di Sabah/Sarawak dengan jemputan dan kuasa Lembaga untuk menubuhkan Perbadanan (Corporations). lain
Akta 398 National Land Rehabilitation And Consolidation Authority (Incorporation) Act 1966 (Revised - 1989) (Berkuatkuasa 16 November 1989)	Akta Semakan bagi menyesuaikan segala pindaan yang dibuat ke dalam satu Akta Baru yang kemaskini

## Pembangunan *In-situ* Satu Uji kaji yang Berhasil

Pembangunan *In-situ* merupakan pembangunan menyeluruh yang disasarkan kepada kampung tradisional yang mundur. Melalui program ini, kampung yang ditakrifkan tidak produktif akan dirombak struktur fizikalnya dan disusun semula dengan memberikan kemudahan kepada masyarakat supaya lebih efektif. Program perancangan semula ini disusun dengan baik untuk memberikan faedah kepada masyarakat kampung dari segi ekonomi dan sosial.

Yang uniknya dalam pembangunan ini ialah pemilik tanah tradisional turun-temurun bersedia untuk menyerahkan hak milik tanah mereka kepada FELCRA untuk diusahakan dan kemudiannya tanah itu digabungkan dengan tanah kerajaan yang berdekatan untuk meraih faedah ekonomi berskala.

Atas arahan Jawatankuasa Pembangunan Negara (NPDC) telah meluluskan RM5.09 juta (Mei 1978) untuk 3 buah projek perintis *In-situ*, iaitu Teratak Batu - Kelantan 1978, Kampung Kok - Kedah dan Ulu Berang - Terengganu.



Kawasan perumahan peserta Projek FELCRA *In-situ* Kampung Kok, Langkawi.

## Tanah Terbiar Terbela

Tanah merupakan faktor ekonomi yang penting yang harus diusahakan dan tidak sepatutnya terbiar begitu sahaja. Kerajaan memandang berat hal ini dan dalam tahun 1978, Jabatan Perdana Menteri telah mengenal pasti, terdapat 565,000 ekar tanah milik terbiar yang tidak diusahakan.


Kriteria yang digunakan untuk mengklasifikasikan tanah itu terbiar berdasarkan tiga perkara, iaitu tanah yang tidak sampai 50% diusahakan, tanah yang ditanam dengan tanaman yang tidak produktif dan pendapatan yang diperolehi kini kurang daripada yang boleh diperolehi sekiranya tanah tersebut diusahakan secara optimum.



Tanah terbiar yang tidak produktif.



Tanah terbiar yang tidak produktif.



Kedudukan lot-lot tanah milik yang berselerak untuk dimajukan di bawah Konsep Tanah Terbiar.

Bermula pada tahun 1984, FELCRA terlibat dalam usaha memulihkan tanah terbiar tersebut dengan menggunakan pendekatan pemulihan dan penyatuan. FELCRA mengubah tanah tersebut menjadi ladang komersial dengan penggunaan teknologi moden dan pengurusan yang cekap.

Kini pembangunan tanah terbiar menjadi sinonim dengan peranan pembangunan tanah FELCRA.



*Ladang sawit yang berjaya.*

### **Bertapak di Negeri di Bawah Bayu**

FELCRA telah mengembangkan sayapnya ke negeri Sabah dengan memulihkan dan memajukan tanah milik bergeran, tanah milik koperasi yang terbiar dan tanah kerajaan atas persetujuan mereka dengan tanaman kelapa sawit dan getah pada tahun 1995. Usaha masih diteruskan supaya lebih ramai penduduk luar bandar menyertai skim FELCRA agar mereka mendapat faedah pembangunan yang disalurkan oleh kerajaan.

Perkembangan sayap FELCRA ke Negeri di Bawah Bayu atas inisiatif YB Datuk Haji Sairin bin Haji Karno yang menjadi ahli Lembaga Pengarah FELCRA pada ketika itu. Projek pertama FELCRA di Sabah ialah Koperasi Sg. Balaban, Sandakan seluas 319.57 hektar.



*Projek FELCRA Koperasi Sg Balaban, Sandakan, Sabah.*



Lawatan kerja YAB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia ke Projek Agropolitan Pulau Banggi pada tahun 2007.

### Projek Agropolitan Merobah Landskap Desa Terpencil

Atas jemputan kerajaan negeri Sabah, FELCRA telah diminta untuk membangunkan kawasan terpencil dan disasarkan untuk penduduk yang miskin tegar. Cadangan asal adalah untuk memberi mereka pegangan saham bersamaan seluas 10 ekar setiap peserta bagi tujuan projek pertanian. Konsep ini dikenali sebagai projek agropolitan bertujuan membangunkan kawasan terpinggir dan mundur melalui pembangunan aktiviti pertanian, pemprosesan dan perniagaan yang berasaskan pertanian. Pulau Banggi yang terletak di Kudat, Sabah telah dipilih sebagai lokasi perintis untuk projek ini.

Program lonjakan mega luar bandar ini merangkumi tiga komponen dalam pembangunan, iaitu melibatkan komponen ekonomi, komponen ameniti sosial dan komponen modal insan. Komponen ekonomi melibatkan tanaman getah, menternak ikan dalam sangkar, mengusahakan kebun dapur dan membuka gerai usahawan kecil. Kegiatan ini bertujuan untuk menambahkan pendapatan penduduk. Sementara komponen kedua melibatkan pembinaan prasarana dan ameniti sosial bagi kemudahan penduduk. Hal itu,

termasuk bekalan air bersih dan elektrik, pembinaan rumah dan balai raya dan membina jalan raya bagi memudahkan perhubungan dan pengangkutan. Dalam komponen modal insan, dibangunkan taska, tadika, surau serta sekolah.


Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9), FELCRA diberi tanggungjawab mempergiat Projek Agropolitan. Di samping projek Pulau Banggi, Projek Agropolitan Batang Lupa, Sri Aman Sarawak, Projek Agropolitan Batang Sadong, Samarahan, Sarawak dan Projek Agropolitan Pulau Bruit, Sarikei, Sarawak turut dibangunkan. Pembangunan ini meliputi kawasan seluas 4,720 hektar dengan penyertaan 1,062 peserta miskin tegar.



Aktiviti menanam anak benih getah.



Ladang Agropolitan Batang Lupa, Sri Aman, Sarawak.



Pelan Pembangunan Agropolitan Pulau Banggi.



Perumahan Peserta Projek Agropolitan FELCRA Batang Lupa, Sri Aman, Sarawak.

### Perkongsi Melalui Sistem Saham

Bagi menentukan kejayaan setiap rancangan dicapai sesuai dengan konsep pertanian moden FELCRA menjalankan pengurusan rancangan mengikut sistem saham. Berdasarkan sistem ini setiap rancangan disifatkan sebagai ladang swasta tanpa ditentukan lot perseorangan kepada peserta. Setiap peserta mempunyai hak yang sama dengan diperuntukkan jumlah saham berdasarkan keluasan pegangannya. Keuntungan yang diperoleh akan ditolak kos penyelenggaraan dan selebihnya akan diagihkan sebagai dividen.

Di samping itu, konsep pengurusan rancangan FELCRA telah diterima baik oleh peserta kerana mereka dilibatkan bersama memantau kemajuan projek melalui jawatankuasa kemajuan projek yang dipilih dalam kalangan mereka. Di sinilah terletak ketelusan FELCRA dalam mengurus tanah-tanah mereka.



Sistem saham mula diperkenalkan di rancangan-rancangan felcra

# Success story of Felcra's share scheme

18 APR 1980

**KUALA LUMPUR, Thurs.** — The "share-ownership" system, introduced recently by Felcra, is proving to be effective in the management of the Authority's various land schemes. And this success must be especially sweet for Felcra, to persuade settlers to accept the new system.

The Lembah Keang fringe scheme in Jasin is a case in point.

When the scheme was opened in 1973, the 214 settlers there strongly opposed the introduction of the share system, preferring instead the lot-system.

Nevertheless, after much perseverance and campaigning by Felcra officers, the settlers have, after two years of \$180,000 in their co-operative society.

They have also been able to donate \$10,000 to the Malacca State Mosque Fund from this savings.

In 1978, the scheme earned \$1.28 million and last year \$2.65 million.

Felcra's Chief Accountant, Cik Zabariah Dasak said today the Lembah Keang scheme was one of several reaping large benefits with the implementation of the system.

Under the share system, a scheme is run like an estate but the settlers are paid monthly wages as well as dividends.

The settlers however, have to relinquish their individual plots as the land was collectively-owned.

After deductions on loans and operating costs, the Lembah Keang settlers last year earned an average of \$670 a month.

As a result of the bountiful profits reaped last year, workers on the scheme were also paid their monthly wages.

Felcra found that management under the old lot-system was tedious as settlers would sometimes reject accounts made by Felcra officers for them.

Loans collection was also difficult and with absentee-settlers, the schemes lost much of its effectiveness.

**Relinquish**

She said there were still over 30 rehabilitation schemes operating under the lot-system. It was difficult to persuade the settlers to accept the new system as they were under the impression that it would deprive them of their land altogether. Land-ownership was an idea entrenched in the minds of most people and no matter how poor they were, they would not relinquish their lands, she said.

Gambar Ladang Sawit

# Keratan-keratan akhbar tentang FELCRA.

## Wadira jual hasil krafangan bernilai lebih \$5,000

PAZAR MAS, 24 Jan. — Perutusan Wanita Dendam Kelantan (Wadira) paguhan Gus Durah telah mengadakan pameran hasil krafangan daripada lebih 200 orang pembuat kraf yang menghasilkan lebih 2000 objek kraf yang bernilai lebih \$5,000.

Bertempat di Kompleks Kebudayaan, 24 Jan. Huzefa Mohd. Yusoff, Ketua Pegawai Eksekutif FELCRA, telah menghadiri pameran kraf yang diadakan oleh Wadira. Beliau telah berpuas hati dengan hasil krafangan yang dihasilkan oleh para pembuat kraf. Beliau berkata, pameran kraf ini menunjukkan bahawa para pembuat kraf di Kelantan mempunyai kreativiti yang tinggi dan menghasilkan kraf yang bernilai tinggi.

Wadira adalah sebuah organisasi yang berfokus kepada memajukan ekonomi para pembuat kraf di Kelantan. Organisasi ini telah mengadakan pameran kraf ini untuk mempromosikan kraf Kelantan kepada para pembeli luar negeri. Beliau berkata, pameran kraf ini telah berjaya menarik perhatian para pembeli luar negeri dan menghasilkan pendapatan yang lumayan untuk para pembuat kraf.

## Better life for 113 Orang Asli families

113 orang asli di Kelantan telah menikmati kehidupan yang lebih baik setelah FELCRA melaksanakan projek pembangunan kampung mereka. Projek ini telah menyediakan infrastruktur asas seperti jalan, air, dan elektrik kepada para penduduk kampung tersebut.

## Save these lands, Minister orders

Menyusur, Kelantan, 24 Jan. — Menteri Pertanian, Perikanan dan Pertanian Huzefa Yusoff telah mengeluarkan perintah untuk melindungi kawasan hutan di Kelantan. Beliau berkata, kawasan hutan ini mempunyai nilai sejarah dan budaya yang tinggi dan perlu dipelihara untuk generasi akan datang.

## Felcra akan majukan tanah reja kerajaan

KUALA TERENGGANU, 24 Jan. — FELCRA akan memajukan tanah reja kerajaan di Terengganu. Projek ini akan melibatkan pembangunan infrastruktur asas dan perumahan untuk para penduduk kampung di kawasan tersebut.

## Felcra to privatize land rehabilitation

FELCRA akan memprivatkan projek pemulihan tanah di Kelantan. Projek ini akan melibatkan pembangunan infrastruktur asas dan perumahan untuk para penduduk kampung di kawasan tersebut. Beliau berkata, projek ini akan dilaksanakan dengan kerjasama antara FELCRA dan kerajaan negeri.

## Felcra gets US\$66m loan

FELCRA telah menerima pinjaman sebanyak US\$66 juta daripada Bank Dunia untuk memajukan projek pembangunan kampung di Kelantan. Pinjaman ini akan digunakan untuk membiayai projek pembangunan infrastruktur asas dan perumahan.

## 8 villages to regroup under Felcra plan

Delima, Kelantan, 24 Jan. — FELCRA akan menggabungkan semula 8 kampung di Kelantan di bawah satu projek pembangunan. Projek ini akan melibatkan pembangunan infrastruktur asas dan perumahan untuk para penduduk kampung di kawasan tersebut.

## S voted against loan to Felcra

Parlimen Malaysia telah menolak cadangan kerajaan untuk memajukan projek pembangunan kampung di Kelantan. Keputusan ini telah mengejutkan kerajaan kerana projek ini dianggap sebagai projek pembangunan yang penting untuk memajukan ekonomi kampung di Kelantan.

## Felcra to submit working paper on privatization

FELCRA akan menyerahkan kertas kerja mengenai privatization kepada kerajaan. Kertas kerja ini akan membincangkan mengenai kelebihan dan kekurangan privatization dan bagaimana ia dapat dilaksanakan dengan berkesan.

## First padi estate reaps 13,000-tonne harvest

Parit, Kelantan, 24 Jan. — FELCRA telah memanen padi di kawasan FELCRA pertama di Kelantan. Hasil memanen ini berjumlah 13,000 tonne, menunjukkan bahawa projek pembangunan FELCRA telah berjaya meningkatkan produktiviti pertanian di kawasan tersebut.

## Rancangan Tanah Bella Kedah yang pertama di Belimbing dan Tolak

Belimbing, Kedah, 24 Jan. — Rancangan Tanah Bella pertama di Kedah telah dilaksanakan di Belimbing dan Tolak. Rancangan ini akan melibatkan pembangunan infrastruktur asas dan perumahan untuk para penduduk kampung di kawasan tersebut.

## Settlement schemes for Kelantan

KUALA LUMPUR, 24 Jan. — FELCRA akan melaksanakan projek pembangunan kampung di Kelantan. Projek ini akan melibatkan pembangunan infrastruktur asas dan perumahan untuk para penduduk kampung di kawasan tersebut.

## Felcra majukan tanah rizab Orang Asli

FELCRA akan memajukan tanah rizab Orang Asli di Kelantan. Projek ini akan melibatkan pembangunan infrastruktur asas dan perumahan untuk para penduduk kampung di kawasan tersebut.

## 600 belia peneroka diseru kembali ke rancangan

Parit, Kelantan, 24 Jan. — FELCRA menyeru 600 belia peneroka kembali ke rancangan pembangunan kampung di Kelantan. Beliau berkata, projek ini akan menyediakan infrastruktur asas dan perumahan untuk para penduduk kampung di kawasan tersebut.

## Kerajaan usaha tebus tanah2 tergadai

Kuala Lumpur, 24 Jan. — Kerajaan Malaysia berusaha untuk membeli kembali tanah yang tergadai kepada FELCRA. Beliau berkata, projek ini akan melibatkan pembangunan infrastruktur asas dan perumahan untuk para penduduk kampung di kawasan tersebut.

## Improving the living standard of poor smallholders

KUALA LUMPUR, 24 Jan. — FELCRA akan melaksanakan projek pembangunan kampung di Kelantan. Projek ini akan melibatkan pembangunan infrastruktur asas dan perumahan untuk para penduduk kampung di kawasan tersebut.

## Felcra concept a spring of hope for many villagers

Parit, Kelantan, 24 Jan. — FELCRA telah melaksanakan projek pembangunan kampung di Kelantan. Projek ini akan melibatkan pembangunan infrastruktur asas dan perumahan untuk para penduduk kampung di kawasan tersebut.

## Felcra belanja \$40j majukan tanah terbiar

KUALA TERENGGANU, 24 Jan. — FELCRA telah membelanjakan sebanyak \$40 juta untuk memajukan projek pembangunan kampung di Kelantan. Projek ini akan melibatkan pembangunan infrastruktur asas dan perumahan untuk para penduduk kampung di kawasan tersebut.

## Felcra gives new lease of life to Redang Punggor

KUALA TERENGGANU, 24 Jan. — FELCRA akan memajukan projek pembangunan kampung di Kelantan. Projek ini akan melibatkan pembangunan infrastruktur asas dan perumahan untuk para penduduk kampung di kawasan tersebut.

## Sambutan dari orang2 Melayu kurang menggalakkan - Akasah

Parit, Kelantan, 24 Jan. — Akasah berpendapat sambutan daripada orang Melayu terhadap projek pembangunan kampung di Kelantan kurang menggalakkan. Beliau berkata, projek ini akan melibatkan pembangunan infrastruktur asas dan perumahan untuk para penduduk kampung di kawasan tersebut.

## Pemberian hak milik bukan kuasa FELCRA

Parit, Kelantan, 24 Jan. — FELCRA menegaskan bahawa pemberian hak milik tanah kepada para penduduk kampung di Kelantan bukanlah kuasa FELCRA. Beliau berkata, projek ini akan melibatkan pembangunan infrastruktur asas dan perumahan untuk para penduduk kampung di kawasan tersebut.

## Tanah pinggir yang terbiar digulbahkan oleh FELCRA

Parit, Kelantan, 24 Jan. — FELCRA telah melaksanakan projek pembangunan kampung di Kelantan. Projek ini akan melibatkan pembangunan infrastruktur asas dan perumahan untuk para penduduk kampung di kawasan tersebut.

## Felcra tanam sawit dan koko di kampung tradisi

KUALA TERENGGANU, 24 Jan. — FELCRA akan menanam sawit dan koko di kampung tradisi di Kelantan. Projek ini akan melibatkan pembangunan infrastruktur asas dan perumahan untuk para penduduk kampung di kawasan tersebut.

## Success story of Felcra's share scheme

Parit, Kelantan, 24 Jan. — FELCRA telah melaksanakan projek pembangunan kampung di Kelantan. Projek ini akan melibatkan pembangunan infrastruktur asas dan perumahan untuk para penduduk kampung di kawasan tersebut.

## Tanah sempadan akan dimajukan melalui Felda

Parit, Kelantan, 24 Jan. — FELCRA akan memajukan projek pembangunan kampung di Kelantan. Projek ini akan melibatkan pembangunan infrastruktur asas dan perumahan untuk para penduduk kampung di kawasan tersebut.

## 600 belia peneroka diseru kembali ke rancangan

Parit, Kelantan, 24 Jan. — FELCRA menyeru 600 belia peneroka kembali ke rancangan pembangunan kampung di Kelantan. Beliau berkata, projek ini akan menyediakan infrastruktur asas dan perumahan untuk para penduduk kampung di kawasan tersebut.

## Sultan: Rakyat dipilih ke Felcra harus bersyukur

KUALA TERENGGANU, 24 Jan. — Sultan Terengganu telah berucap bahawa rakyat yang dipilih ke FELCRA harus bersyukur. Beliau berkata, projek ini akan melibatkan pembangunan infrastruktur asas dan perumahan untuk para penduduk kampung di kawasan tersebut.

## MECHANISATION IN THE FIELDS

FELCRA akan melaksanakan projek pembangunan kampung di Kelantan. Projek ini akan melibatkan pembangunan infrastruktur asas dan perumahan untuk para penduduk kampung di kawasan tersebut.

## Rancangan tanah beri kerja pada 84 belia

Parit, Kelantan, 24 Jan. — FELCRA akan melaksanakan projek pembangunan kampung di Kelantan. Projek ini akan melibatkan pembangunan infrastruktur asas dan perumahan untuk para penduduk kampung di kawasan tersebut.

## Kerajaan usaha tebus tanah2 tergadai

Kuala Lumpur, 24 Jan. — Kerajaan Malaysia berusaha untuk membeli kembali tanah yang tergadai kepada FELCRA. Beliau berkata, projek ini akan melibatkan pembangunan infrastruktur asas dan perumahan untuk para penduduk kampung di kawasan tersebut.

## Use of idle land to be privatised

Parit, Kelantan, 24 Jan. — FELCRA akan melaksanakan projek pembangunan kampung di Kelantan. Projek ini akan melibatkan pembangunan infrastruktur asas dan perumahan untuk para penduduk kampung di kawasan tersebut.

## Tidak mampu sahkan tanah Pemilik perlu serah kepada Felcra

Parit, Kelantan, 24 Jan. — FELCRA menegaskan bahawa pemilikan tanah oleh para penduduk kampung di Kelantan bukanlah sahkan tanah kepada FELCRA. Beliau berkata, projek ini akan melibatkan pembangunan infrastruktur asas dan perumahan untuk para penduduk kampung di kawasan tersebut.

## Tanah pinggir yang terbiar digulbahkan oleh FELCRA

Parit, Kelantan, 24 Jan. — FELCRA telah melaksanakan projek pembangunan kampung di Kelantan. Projek ini akan melibatkan pembangunan infrastruktur asas dan perumahan untuk para penduduk kampung di kawasan tersebut.

## 8 villages to regroup under Felcra plan

Delima, Kelantan, 24 Jan. — FELCRA akan menggabungkan semula 8 kampung di Kelantan di bawah satu projek pembangunan. Projek ini akan melibatkan pembangunan infrastruktur asas dan perumahan untuk para penduduk kampung di kawasan tersebut.

## Success story of Felcra's share scheme

Parit, Kelantan, 24 Jan. — FELCRA telah melaksanakan projek pembangunan kampung di Kelantan. Projek ini akan melibatkan pembangunan infrastruktur asas dan perumahan untuk para penduduk kampung di kawasan tersebut.

## Tanah sempadan akan dimajukan melalui Felda

Parit, Kelantan, 24 Jan. — FELCRA akan memajukan projek pembangunan kampung di Kelantan. Projek ini akan melibatkan pembangunan infrastruktur asas dan perumahan untuk para penduduk kampung di kawasan tersebut.

## 600 belia peneroka diseru kembali ke rancangan

Parit, Kelantan, 24 Jan. — FELCRA menyeru 600 belia peneroka kembali ke rancangan pembangunan kampung di Kelantan. Beliau berkata, projek ini akan menyediakan infrastruktur asas dan perumahan untuk para penduduk kampung di kawasan tersebut.

## Kerajaan usaha tebus tanah2 tergadai

Kuala Lumpur, 24 Jan. — Kerajaan Malaysia berusaha untuk membeli kembali tanah yang tergadai kepada FELCRA. Beliau berkata, projek ini akan melibatkan pembangunan infrastruktur asas dan perumahan untuk para penduduk kampung di kawasan tersebut.

## Sultan: Rakyat dipilih ke Felcra harus bersyukur

KUALA TERENGGANU, 24 Jan. — Sultan Terengganu telah berucap bahawa rakyat yang dipilih ke FELCRA harus bersyukur. Beliau berkata, projek ini akan melibatkan pembangunan infrastruktur asas dan perumahan untuk para penduduk kampung di kawasan tersebut.

## MECHANISATION IN THE FIELDS

FELCRA akan melaksanakan projek pembangunan kampung di Kelantan. Projek ini akan melibatkan pembangunan infrastruktur asas dan perumahan untuk para penduduk kampung di kawasan tersebut.

## Rancangan tanah beri kerja pada 84 belia

Parit, Kelantan, 24 Jan. — FELCRA akan melaksanakan projek pembangunan kampung di Kelantan. Projek ini akan melibatkan pembangunan infrastruktur asas dan perumahan untuk para penduduk kampung di kawasan tersebut.

## Kerajaan usaha tebus tanah2 tergadai

Kuala Lumpur, 24 Jan. — Kerajaan Malaysia berusaha untuk membeli kembali tanah yang tergadai kepada FELCRA. Beliau berkata, projek ini akan melibatkan pembangunan infrastruktur asas dan perumahan untuk para penduduk kampung di kawasan tersebut.

## Rakaman peristiwa-peristiwa sebelum pengkorporatan

**A** Ketua Turus XI Div, Kol. Husin Hj Awang Senik menyerahkan projek kepada En. Ashaari Hj. Yusof selaku Pengawal FELCRA kawasan Timur.

**B** 3 Oktober 1978 : Sembilan orang ketua rancangan belia FELCRA yang balik ke tanah air selepas membuat lawatan sambil belajar di Indonesia berjanji untuk bekerjasama sepenuhnya dengan FELCRA bagi menjayakan rancangan mereka. Majlis ikrar itu telah dibuat dihadapan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, Tan Sri Abdul Kadir Yusof di Kementerianya, di Kuala Lumpur. Gambar menunjukkan Tan Sri Abdul Kadir (kanan) bersama Encik Zamani Said, Pemimpin Rancangan Belia FELCRA, Ramuan Cina, Melaka.

**C** Februari 1980 : Tan Sri Kadir Yusuf (bercermin mata) berada di atas 'Teratak Batu' yang dikekalkan di Teratak Batu, Kelantan. Rancangan Pemulihan Teratak Batu adalah salah satu inisiatif FELCRA.



**A**



**B**



**C**



**D**



**E**



**F**



**G**

**D** 11 Jun 1984 : Anggota-anggota Skuadron 23 jurutera sedang menjalankan kerja membina rumah murah FELCRA di Bukit Kapah, Kuala Terengganu.

**E** March 1985 : Menteri Besar Kelantan Datuk Haji Mohamed Yaacob (kanan), dan Ketua Menteri Melaka Datuk Abdul Rahim Tamby Chik di skim Felcra di Kampung Teratak Batu, Telosan di Pasir Puteh, Kelantan.

**F** 19 Nov 1995 : Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba memotong kek sempena sambutan Jubli Perak FELCRA.

**G** 3 April 1985 : Kampung Teratak Batu, Kelantan, kawasan baharu diusahakan FELCRA.



**H** September 1985 : Salah sebuah rumah yang dibangunkan melalui Projek Perumahan FELCRA.

**I** 19 November 1985 : Shamsul Bahari menunjukkan cek bernilai \$200 yang diterimanya daripada Tabung Bantuan Pelajaran Felcra kepada bapanya, Encik Mohd Noor Shawal.

**J** Mac 1988 : Encik Nariyoshi Odashima (memakai vest) dan Mr. Norihiko Miyasako (memakai topi) dari Japan Overseas Co-operation Volunteers (JOCV) mengawasi petak padi dengan rakan sekerja Felcra di projek Projek Pembangunan Bersepadu Seberang Perak.

**K** 30 Jun 1987 : Menteri Tanah dan Pembangunan Kawasan, Datuk Dr. Sulaiman Daud (kiri) mencuba untuk mengendalikan traktor untuk membajak tanah ketika dia melawat Felcra Skim Tanaman Kontan yang pertama di Kajang, Selangor. Disebelah kanan beliau, Ketua Pengarah Felcra Encik Mustapha Juman.

**L** April 1988 : Yoshinoro Eto sedang mengajar beberapa kakitangan FELCRA di Pusat Latihan Lekir, Sitiawan tentang kaedah tanaman sayur-sayuran.

**M** July 1989 : Food Technologist, Miki Umezawa (right) from Japan Overseas Co-operation Volunteers (JOCV) and Gugusan Keruak Felcra group manager Mat Hashim Mat Hassan (left) briefing a visitor on the operations at a bottling plant at Jerteh, Hulu Besut in Terengganu.

**N** Januari 1991 : Sebahagian daripada anggota PSTD yang terlibat dengan pembinaan masjid di FELCRA Keruak, Hulu Besut, Terengganu.

**O** Mac 1995 : Antara peserta Peserta rancangan tanah FELCRA Gugusan Pondok Nyamuk, Besut yang menunggu giliran untuk menerima dividen sempena menyambut Aidilfitri. Majlis penyampaian dividen diadakan di Dewan Sekolah Kebangsaan Seri Payong, Hulu Besut yang disampaikan Menteri Perusahaan Awam, Datuk Dr. Yusof Nor yang juga Ahli Parlimen Besut.





Majlis menandatangani perjanjian pengkorporatan FELCRA

# Felcra lebih efisien selepas dikorporat

23 APR 1997

KUALA LUMPUR 22 April — Pengkorporatan Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (Felcra), yang berkuat kuasa 1 September ini akan membolehkan pembangunan tanah-tanah terbiar seluas 30,000 hektar setahun secara komersial.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa berkata usaha dilakukan melalui pembesaran aktiviti utama yang menumpu kepada pembangunan tanah.

"Kerajaan mempunyai keyakinan penuh terhadap Felcra Berhad untuk melaksanakan tanggungjawab yang lebih efisien," katanya. Beliau berkata kerajaan akan mengemukakan Undang-Undang (U.U.) Perlembagaan (U.P.) kepada Parlimen pada 23 April ini.

U. M.

rajaan tidak akan berikan peruntukan pembangunan tanah pada 1997.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan akan membuat keputusan mengenai jumlah tanah yang akan ditukarkan kepada pembangunan tanah.

Pembe  
milik bu  
kuasa F  
24 APR 1997  
Saudara D  
SAYA  
ngg

## Dua

### LONJAKAN TRANSFORMASI PENGKORPORATAN

Sesebuah organisasi boleh berkembang secara organik atau mengikut "blueprint" yang direncanakan. Namun dinamikanya perubahan persekitaran dan pasaran membuat institusi sering membuat lonjakan berganda bagi mencapai tahap yang lebih cemerlang. FELCRA melalui fasa tersebut dalam segala bidang. Pengkorporatan dan transformasi syarikat melonjatkan lagi pertumbuhan yang direncanakan.

## Latar belakang pengkorporatan

### Mengapa FELCRA di korporatkan?

Pada awal tahun 1990 an langkah rasionalisasi, penggabungan dan penyatuan dalam sektor korporat dan sektor awam menjadi fesyen semasa (*fashionable*) di seluruh dunia. Malaysia juga tidak terkecuali dan langkah rasionalisasi dalam bidang pembangunan tanah dan perladangan telah dibincangkan di peringkat tertinggi.

Dalam hal ini, FELDA, FELCRA dan RISDA menjadi sasaran untuk digabungkan dalam satu entiti. Ketua Pengarah FELCRA ketika itu, Dato' Mustapha Juman telah dimaklumkan terdapat tiga pilihan untuk FELCRA, iaitu pertama, bersetuju untuk bergabung dengan FELDA dan RISDA kedua, FELCRA akan ditutup dan pilihan ketiga, adalah untuk menjadi badan korporat melalui proses pengkorporatan. Dengan pengkorporatan ini, FELCRA akan menjadi sebuah syarikat milik penuh kerajaan (*Government Own Company-GOC*).



## Felcra lebih efisien selepas dikorporat

23 APR 1997

KUALA LUMPUR 22 April — Pengkorporatan Lembaga Pembangunan dan Penyelenggaraan Tanah Negara (Felcra) yang berkuat kuasa 1 September ini akan membolehkan pembangunan tanah-tanah terlaras seluas 30,000 hektar setahun secara komersial.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa berkata, usaha dilakukan melalui pembenaran aktiviti utama yang menumpukan kepada pembangunan tanah.

"Kerajaan mempunyai keyakinan penuh bahawa Felcra Berhad boleh melaksanakan fungsi dan tanggungjawabnya dengan lebih efisien dan berkesan," katanya ketika sidang media selepas sidang Akta Lembaga Penyelidikan dan Penyelenggaraan Tanah Negara (Penggantian dan Pembubaran) 1997 di Parlimen.

Mesrutinya, fungsinya sebagai badan korporat akan dijalankan melalui pendekatan berimbang antara tanggungjawab perniagaan dan tanggungjawab sosialnya.

Beliau menjelaskan, kesinambungan tersebut dilakukan melalui pembiayaan menyilang hasil dari aktiviti berorientasikan keuntungan dan aktiviti sosial kemasyarakatan.

"Sehubungan dengan itu Program Penyusunan Semula Karpung dan Program Rakyat Terminat (PPRT) akan diteruskan selaras dengan peranan FELCRA sebagai agensi pelaksana," ujarnya.

Berhubung dengan pengkorporatan itu, Annuar menjelaskan, ke-

rajaan tidak akan memberikan peruntukan pembangunan bagi tahun 1997.

Bagaimanapun katanya, kerajaan akan membuat suntikan modal berjumlah RM56.36 juta untuk membiayai sebahagian kos operasi tahun pertama pengkorporatannya.

"Selain itu kerajaan memperuntukkan pinjaman RM255 juta membiayai projek-projek pembangunan perladangan tanah yang komited.

"Kerajaan juga akan menukar pinjaman yang membiayai projek sosial berjumlah RM97.97 juta kepada ekuiti kerajaan di dalam Modal Berbayar," tambah beliau.

Menurut beliau, syarikat pengganti Felcra yang diberi nama Felcra Berhad merupakan syarikat induk kepada operasi utama Pembangunan dan Penyelenggaraan Pengurusan Tanah.

Annuar berkata, syarikat tersebut akan beroperasi dengan Modal Dibayar tidak melebihi RM1,000 juta dan Modal Berbayar RM712 juta.

Selain itu tegas beliau, pengkorporatan itu membolehkan penjaminan kewangan awam sebanyak RM190 juta setahun dan pengecualian sektor awam melalui penyerapan 3,426 kakitangan ke dalam syarikat pengganti.

"Felcra Berhad melalui kuasa yang diberikan akan melaksanakan fungsinya sebagai pengurus, penjaga dan pemegang amanah kepada tuan-tuan tanah (peserta)," tambahnya.



Kursus Pengurusan yang dihadiri oleh kakitangan FELCRA pada 21 July 1997.


### Siap Siaga untuk dikorporatkan

Dengan memilih langkah pengkorporatan persediaan yang rapi perlu diatur supaya program ini akan terlaksana dengan lancar. Hal ini melibatkan perubahan dalam set minda, adaptasi budaya kerja korporat dan penyediaan atur cara, manual, perakaunan dan perundangan. Untuk ini beberapa pengurus telah dihantar untuk mengikuti kursus *Asian Institute of Management (AIM)* di Manila dan Ketua Pengarah juga telah mengikuti kursus di Harvard Business School di Amerika Syarikat. Mereka telah didedahkan tentang beberapa konsep pengurusan perniagaan seperti *reengineering, perancangan korporat dan strategik, core dan competencies, boston consulting matrix, dan sebagainya*.

## Impak Pengkorporatan

### 1. Kepada FELCRA

Daripada sebuah agensi kerajaan, FELCRA telah berubah menjadi entiti korporat yang mengamalkan budaya korporat iaitu memberi fokus kepada keuntungan ini melibatkan yang pengukuran prestasi pembangunan tenaga kerja yang sistematik, aturan kerja manual dan perancangan korporat.



### 2. Kepada Pemegang Saham FELCRA

Pemegang saham utama FELCRA iaitu Kementerian Kewangan (MOF) telah mendapat bayaran dividen tahunan dari FELCRA. Hal ini bergantung kepada keuntungan yang boleh dihasilkan oleh FELCRA setiap tahun.



### 3. Kepada Warga Kerja FELCRA

Skim perkhidmatan yang lebih baik setanding dengan badan korporat yang lain dari segi peningkatan gaji, bayaran bonus dan kebajikan. Disamping itu, pembangunan modal insan yang sistematik dirangka untuk meningkatkan kecekapan dan daya saing mereka.



YAB Perdana Menteri menyerahkan mock cheque dividen kepada peserta.

### 4. Kepada Peserta FELCRA

Hasil pengkorporatan ini mereka telah mendapat dividen yang lebih tinggi disebabkan keuntungan yang lebih banyak dijalankan oleh FELCRA. Kesejahteraan hidup peserta juga meningkat melalui penyediaan rumah yang selesa.

## Dimensi Baharu Industri Pertanian Negara

### Lonjakan Transformasi


Lonjakan Transformasi telah menyaksikan dan membuka dimensi baharu dalam pertanian Negara, dan FELCRA merupakan salah satu pemain utamanya. Jika dulu pertanian dijalankan secara tradisi, kini aplikasi pertanian moden telah dipraktikkan dan pertanian tidak lagi dilihat sebagai untuk memenuhi keperluan asas tetapi juga sebagai perniagaan. Dalam konteks ini FELCRA telah banyak mengalami perubahan menelusrusi perniagaan yang dinamik.

Keluasan tanah telah digandakan dan jenis tanaman telah dipelbagaikan untuk memenuhi tuntutan semasa perniagaan. Begitu juga inovasi dan aplikasi teknologi dipertingkatkan sesuai dengan usaha untuk menambah, meningkatkan produktiviti dan penghasilan produk. Sebagai badan perniagaan, inovasi dan aplikasi teknologi merupakan daya saing supaya tidak ketinggalan dalam perniagaan korporat yang mencabar. Penyelidikan dan pembangunan (R&D) dilakukan secara bersendirian dan juga usaha sama dengan institusi penyelidikan terkemuka seperti MPOB dan MARDI.

Inovasi dan aplikasi teknologi membolehkan FELCRA mempraktikkan konsep "Waste to Wealth". Sisa buangan dari pertanian dapat dijadikan produk untuk kegunaan lain seperti jerami padi dijadikan makanan ternakan. Penyelidikan ini telah dijalankan di Bio Valley Seberang Perak. Sisa buangan daripada kelapa sawit telah diproses untuk dijadikan Bio Organik Fertilizer, Dried Long Fiber dan Gas. Untuk menghasilkan benih tanaman yang lebih baik dan bermutu penyelidikan tisu kultur dipergiat.



## Era Perubahan - Lonjakan Berganda



**Pemodenan Pembangunan Tanah Secara Ekonomik**  
Jumlah Projek Pembukaan Tanah (sebelum korporat dan selepas korporat).



**Kepelbagaian Aktiviti**  
Aktiviti Masa kini  
Getah, Kelapa Sawit, Padi, Pisang, Koko, Kelapa, Nenas, Ternakan Lembu, Udang, Ikan, Hartanah, Perkilangan, R&D, Pembangunan Anak-anak Syarikat.

4 Jumlah Peserta

Permulaan  
**547**  
Peserta



Masa Kini  
**110,420**  
Peserta



5 Jumlah Staf

Permulaan  
**53**  
Staf



Masa Kini  
**3,136**  
Staf



## Memfenomenakan Transformasi



WISMA FELCRA, LOT 4780,  
JALAN REJANG,  
SETAPAK JAYA, PETI SURAT 12254,  
50772 KUALA LUMPUR.

TEL : 03 - 4145 5000  
FAX : 03 - 4142 8162  
E-MAIL : felcra@felcra.com.my

## Aplikasi inovasi dalam Pertanian

FELCRA Berhad telah menggunakan kapal terbang kecil atau Gyrocopter pada awal tahun 2015 bagi pelaksanaan program penyemburan baja dan racun. Hal ini merupakan penggunaan gyrocopter yang pertama di Malaysia dan diperoleh dari Sepanyol, dapat membantu mengurangkan kos membaja dan meracun secara manual.



## Mengimbangi Kerakusan Mengejar Keuntungan

Beraskan Penyatuan dan Pemulihan Tanah secara komersial, FELCRA Berhad bertanggungjawab memberikan nilai pembangunan ekonomi dan sosial kepada sektor luar bandar, dengan kumpulan sasar akan menerima pulangan yang maksimum.





Anugerah Khas Pehidmatan Awam 1996  
Anugerah Pengurusan Kewangan.



PIALA PUSINGAN  
Anugerah CEO Terbaik  
Anak Syarikat Di Bawah Agensi  
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

## Peningkatan Tahap Profesionalisme dan Kepakaran

Setelah 5 dekad beroperasi, FELCRA Berhad telah membangunkan beberapa sistem maklumat menggantikan Sistem Manual. Sistem-sistem ini dibangunkan bagi pelaksanaan pengurusan dengan lebih efisien. Sistem ini akan berfungsi sebagai pangkalan data yang lebih terkini, teratur dan selaras di peringkat ibu pejabat, wilayah dan kawasan. Ia memudahkan interaksi antara sempadan dengan melibatkan masa dan kos yang lebih rendah. Aplikasi yang digunakan adalah Aplikasi Opensuite System dan Aplikasi FELCRA Integrated Information System (FIIS):

Selain itu, FELCRA Berhad telah mendapat pelbagai pengiktirafan dalam pengurusan dan memenangi pelbagai anugerah.

	FELCRA Bina Sdn. Bhd. QUALITY MANUAL INTRODUCTION	Rev. No. : Rev. Tar. : Rev. No. : Rev. Tar. :	000000011 1 000000011 1
--	---	--	----------------------------------

The Quality Manual has been prepared as a coordinating document for the organization's Quality Management System (QMS). The system is established conforming to the International Standard, ISO 9001:2008. It is intended to act as a "reference" to the organization's QMS.

This manual was prepared by the Management Representative and his Quality Unit through discussions with top management and inputs from personnel across various units in the organization.

All personnel in the organization are involved in the QMS. They are expected to understand the requirements of the ISO 9001:2008 standard and their role in the implementation of the QMS. The organization shall focus on meeting client's requirements and continually improve its business processes as part of its efforts to strive for excellence.

The manual comprises of four (4) main sections and relevant appendices:

**Section 1:** Provides information of the organization and defines the scope of the QMS as well as the exclusions of ISO 9001:2008 clauses.

**Section 2:** Demonstrates the organization's quality aspirations and commitment through the quality policy, organization structure, job responsibility, and authority of personnel and functions of the Management Review Board.

**Section 3:** Details the interaction and sequence of the organization's business processes and the structure of the QMS.

**Section 4:** Establishes the system implementation policies in accordance to the organization's business processes. The policies are also referred to in the clauses of the ISO 9001:2008 standard. This section also defines the quality objectives to be measured and analyzed for continual improvement of the organization's business processes.

**Appendix:** Provides experiences and outlines a guide to prepare and apply QMS documents in an effective and efficient manner. The appendices include a matrix on the interaction of QMS documents with business processes and departments, a matrix on compliance of QMS documents to the clauses of the ISO 9001:2008 standard, an internal communication table and job requirements.



# Anugerah yang dimenangi FELCRA



## 1966 SEBELUM KORPORAT

- 01 LADANG GETAH
- 02 LADANG SAWIT

## 2015 SELEPAS KORPORAT

- 01 LADANG GETAH
- 02 LADANG SAWIT
- 03 KILANG SAWIT
- 04 LADANG PADI
- 05 (BOF) BAJA BIO-ORGANIK
- 06 AKUAKULTUR
- 07 RUBBER HOSE FACTORY
- 08 BIOTEKNOLOGI
- 09 TERNAKAN LEMBU
- 10 INOVASI PERTANIAN
- 11 INPUT PERTANIAN
- 12 (DLF) DRIED LONG FIBER
- 13 LADANG USAHASAMA
- 14 PENYELIDIKAN & PEMBANGUNAN
- 15 KULTUR TISU
- 16 SEED GARDEN
- 17 KEUSAHAWANAN
- 18 INSTITUSI PESERTA
- 19 PERUMAHAN GENERASI KEDUA
- 20 RUMAH BINA NEGARA
- 21 TANGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT
- 22 KONSULTANSI PENGURUSAN LADANG
- 23 PEMILIKAN ANAK-ANAK SYARIKAT

**Peningkatan Jumlah Aktiviti (2015)**  
 Perkilangan-kilang sawit-dried long fiber-nano solvent-biodiesel-mini refinery-bio organic fertilizer  
 Peserta-perumahan generasi kedua-pembangunan institusi-belia-Perladangan-pembangunan tanah-tanam semula-rubber hose  
 -pengurusan estet padi-pembekal benih padi sah Negara-konsultansi-ladang komersial  
 Anak-anak Syarikat-trading-pendidikan-insuran-pelancongan-kewangan-minyak pelincir-outlet serbanika  
 Penyelidikan & Pembangunan (R&D)-tisu kultur-tapak semeian-inovasi pertanian-bioteknologi  
 Perniagaan-hartanah-akuakultur-ternakan lembu-pemasaran



## TRANSFORMASI SYARIKAT MEMANTAPKAN PERNIAGAAN

Setelah sedekad menjadi syarikat korporat FELCRA mengambil inisiatif menstrukturkan perniagaannya untuk bersaing dengan realiti perniagaan semasa yang sering berubah dan mencabar. Kebergantungan kepada sektor perladangan semata-mata perlu dikaji. Dua komponen utama ditekankan iaitu komersial yang memfokuskan kepada keuntungan. Walau bagaimanapun, tanggungjawab sosial tidak diabaikan kerana ia merupakan "Raison De Etre" kewujudan FELCRA Berhad.

Kilang benih padi.



Di samping itu, perniagaan baru yang berdaya maju dan berpotensi diteroka untuk menghasilkan "New Wealth Creation" bagi menjamin kelangsungan pendapatan. Antaranya adalah pembangunan hartanah kerana ia menjanjikan keuntungan lumayan dan stok hartanah FELCRA telah tersedia untuk dibangunkan.

FELCRA juga mempelbagaikan aktiviti-aktiviti syarikat yang berpotensi seperti penghasilan Bio-Organic Fertilizer [BOF], Bio Energy, pusat penternakan lembu pedaging (Fidlot) di Bio Valley dan pembinaan kompleks penyelidikan dan pembangunan di FELCRA Nasarudin untuk menyokong peningkatan produktiviti.

Pembangunan luar bandar ditingkatkan sejajar dengan agenda kerajaan dalam Program Tranformasi Luar Bandar sebagai sebahagian dari Transformasi Nasional. Pusat Transformasi Luar Bandar (Rural Transformation Centre RTC) telah dan bakal dibina. Ini adalah bagi komitmen FELCRA untuk menyediakan prasarana dan ameniti sosial untuk kebajikan peserta dan masyarakat setempat.



Kilang baja.

## MEMANFAATKAN TEKNOLOGI UNTUK BERDAYA SAING

Inovasi adalah penting dalam usaha untuk memantapkan lagi keseluruhan operasi FELCRA Berhad terutamanya dalam sektor perladangan. Tumpuan telah diberikan kepada aktiviti (R&D) bagi meningkatkan pengeluaran hasil ladang seterusnya menambah pendapatan para peserta.

Usaha-usaha R&D ini dijalankan bagi memastikan FELCRA Berhad mampu untuk mencapai visinya menjadi salah sebuah syarikat perladangan yang terulung di negara ini.


FELCRA Berhad kini tidak lagi menggunakan kaedah tradisional dalam aktiviti perladangannya sebaliknya telah menggunakan pelbagai teknologi terkini bagi meningkatkan hasil pengeluaran benih sawit yang bermutu tinggi dengan menggunakan teknologi tisu kultur yang menjadi pemangkin pada proses bahan organik. Teknologi DNA fertilizer dilaksanakan di R&D FELCRA Perak. Penggunaan peralatan pemantau udara (UAV) untuk kerja-kerja "aerial photography" dengan melakukan pemasangan sendiri sekali gus menjimatkan kos berbanding yang ditawarkan di pasaran.



Majlis pemindahan teknologi kultur tisu antara Felcra Berhad dengan MPOB.



Proses pengeluaran benih sawit bermutu tinggi melalui teknologi tisu kultur, di makmal R&D FELCRA Berhad.





## Tiga RANJAU DIREDAH, KERIKIL DIINJAK

Dalam menyelurusi 5 dekad yang berlalu banyak ranjau diredah dan kerikil diinjak oleh warga kerja FELCRA yang dihadapi dengan ketabahan dan kegigihan. Pengkisahan menarik tentang pahit getir, cemas gentar yang dialami diterapkan dalam “pengkisahan kami”. Kesukaran meneroka hutan belantara untuk dijadikan ladang dan penempatan juga dipaparkan dalam “Kepayahan Kami”.

## Tercetusnya Pengkorporatan FELCRA Berhad

'Dato'!!! PM tolak semua kertas *agriculture..all agencies going to the market forces*...Kita perlu kemukakan kertas pembentangan yang baru...kata-kata Mokhtar Ahmad- Pegawai di Perancangan Bisnes mengejutkan aku.....

Keesokannya...dalam pertemuan bersama YBhg. Dato' Shamsuddin Hitam-Timbalan Pengarah EPU menerangkan bahawa Perdana Menteri-YAB, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad meminta semua agensi pertanian menceburi pasaran terbuka tanpa mengharapkan bantuan Kerajaan. Aku memohon agar diberikan tempoh seminggu bagi aku mengemukakan Kertas Cadangan. Sampai di pejabat aku meminta agar Md Arif Ariffin, - Timbalan Ketua Pengarah mengadakan *ice-breaking session* bagi mengemukakan cadangan ke atas perkara tersebut.

Sepanjang masa, fikiranku terganggu..terbayang-bayang di kotak fikiran tanggungjawab aku sebagai Ketua Pengarah... apakah nasib kepada 3,200 warga staf..Sekilas muncul wajah-wajah peserta yang menaruh harapan kepada FELCRA selama ini...tanpa mereka mustahil FELCRA akan berjaya...Aku terus panjatkan doa...Ya Allah permudahkan usaha hambaMu....Usai *ice-breaking session*, aku meneliti setiap *finding* dan aku menemui langkah penyelesaian yang boleh diambil. Aku yakin ini tindakan yang boleh dilaksanakan. Hati aku bulat dan tekad...

Dato' Ali Abu Hassan - Ketua Pengarah EPU telah mengadakan rundingan dengan Perdana Menteri Malaysia dan dipersetujui...Dengan kelulusan daripada Kabinet Malaysia maka tertubuhnya...FELCRA Berhad sebuah syarikat korporat milik penuh kerajaan...suatu dimensi baru dalam pembangunan tanah negara...

Dato' Mustapha Juman  
Ketua Pengarah FELCRA Berhad (No. Staf : 1121)



## PAWANG BIDAN TERJUN

Membuka hutan paya untuk dijadikan penempatan dan ladang bukanlah kerja yang mudah. Di samping tenaga kerja dan peralatan jentera berat, kesabaran dan ketabahan juga dituntut. Hal ini terutamanya menghadapi ancaman binatang liar yang telah sekian lama menghuni hutan paya tersebut. Pembukaan FELCRA Seberang Perak, Kg. Gajah, Perak dapat dianggap sebagai kes klasik.

Serangan gajah liar dan babi hutan sering dideritai oleh peserta. Pemindahan gajah liar ke tempat habitat asal mereka telah diusahakan melalui beberapa operasi bersama pihak PERHILITAN.



Masalah yang dihadapi oleh peserta sekarang ialah serangan babi hutan yang tidak menentu dan tidak dijangka. Tanaman kelapa sawit yang ditanam telah acap kali dimusnahkan. Begitu juga tanaman kontan yang diusahakan oleh para peserta di kawasan perumahan mereka.

Dalam kemelut tersebut terdapat cadangan supaya mendapatkan khidmat kepakaran menghalau babi hutan oleh seorang pengurus ladang yang ada. Sebelum ini tiada siapa menyangka akan kebolehan beliau. Dengan berkat usaha beliau dan bantuan peserta setempat masalah babi hutan yang menyerang tanaman ladang telah dapat diatasi dan beliau dikenali sebagai Pawang Bidan Terjun.

Pengurus ladang yang dimaksudkan ialah Allahyarham Tuan Haji Mamat bin Tahir yang sehingga kini tiada siapa tahu dan tertanya-tanya mengenai kaedah atau rahsia beliau mengatasi masalah serangan babi hutan di ladang di bawah pengawasannya.

**Tuan Haji Mamat bin Tahir**



### PENKRIKTIK TEGAR BERALIH ARAH:

Pak Omar ialah seorang peserta di Langkawi yang sering menimbulkan masalah dengan kerenahnya kepada pegawai FELCRA setempat. Setiap cadangan yang dikemukakan oleh pegawai FELCRA akan mendapat bantahan yang kuat daripada beliau. Ada sahaja alasan beliau yang membuatkan pegawai FELCRA pening kepala kerana takut beliau akan mempengaruhi peserta yang lain. Namun lambat laun kebenaran akan terserlah dan kebaikan akan ternyata. Berkat kesabaran pegawai FELCRA dan kebijaksanaan berkomunikasi serta memahami psikologi Pak Omar telah beralih arah dan ini membuktikan sesuatu perkara yang baik itu akan dapat diterima walaupun menjalani laluan yang sukar.



Gambar Pak Omar bersama pingat.



Gambar Pak Omar sekarang.

### TEMBAKAN YANG TERSASAR DI KERANGAI PENAGOH.

“Sedang beliau bersama tiga rakan serumah beristirahat sesudah selesai makan malam sambil mendengar alunan muzik di radio. Tiba-tiba terdengar bunyi satu das tembakan memecah kesunyian dari arah pintu rumah. Masing-masing cuba melarikan diri ke tempat yang selamat. Semua terpinga-pinga dan saling berpandangan sesama sendiri dalam keadaan kebingungan. Tembakan tersebut hampir-hampir mengenai beliau. Walau bagaimanapun, peluru penabur telah mengena salah seorang rakan yang bertugas sebagai penyelia yang jatuh terkulai dan menyembah lantai rumah yang mereka diami. Kami bertempir lari mencari tempat perlindungan kerana dikhuatiri mungkin serangan hendap daripada pihak komunis. Ketika itu kawasan di Kerangai Penagoh adalah kawasan terhad bergerak untuk penduduk setempat. Walau bagaimanapun, kejadian yang menimpa ini berlaku kerana anak seorang jaga (Penjaga Keselamatan) yang mengalami gangguan mental yang bertindak diluar kawalan dengan menembak menggunakan senapang patah kepunyaan bapanya.” Kisah ini berlaku pada tahun 1979 yang dilalui sendiri oleh Tuan Haji Md Yid Bin Sofian ketika beliau baru sahaja ditugaskan selama 12 hari sebagai Pengurus Pelatih di Rancangan FELCRA Kerangai Penagoh. Kisah ini ialah risiko yang perlu dihadapi oleh setiap warga kerja FELCRA yang sentiasa berdepan dengan situasi yang diluar jangkaan. Peristiwa ini tidak melemahkan semangat Tuan Haji Md Yid untuk meninggalkan kerjaya yang lebih selamat. Sebaliknya, beliau terus berkhidmat dengan FELCRA melalui pelbagai jabatan dan negeri sehingga beliau menamatkan perkhidmatannya dengan FELCRA pada tahun 2015. Kisah ini merupakan salah satu asam garam yang perlu ditempuhi oleh mana-mana warga kerja FELCRA sepanjang perkhidmatan mereka.



## MAYAT TERBANG

Detik 8.30 malam, ketika aku menikmati hidangan makan malam berseorangan, kedengaran pintu rumah diketuk bertalu-talu. Aku bingkas bangun membuka pintu. Roslan (salah seorang pekerja ladang) berdiri di hadapan pintu sambil menggigil kesejukan. Dengan nada mendalam dan menundukkan kepala dia memberitahu isterinya telah meninggal dunia. Dia merayu kepadaku untuk membantu mengambil jenazah isterinya di Hospital Gerik.



Dengan penuh tanggungjawab aku bergegas bersiap dan bergerak ke pengkalan bot dengan menaiki Land Rover 90. Kedinginan malam itu menusuk hingga ke tulang. Akibat hujan lebat keadaan jalan tanah merah licin serta berlumpur menyukarkan perjalanan kami walaupun destinasi tujuan hanya sejauh 5 km. Setelah hampir 45 minit mengharungi malam kami sampai ke pengkalan bot dan meneruskan perjalanan ke Hospital Gerik dengan menaiki bot.

Deruan enjin motobot kami terus memecah kesunyian di Tasik Temenggor dan aku berdoa moga dipermudah perjalanan kami. Perasaan aku ketika itu bercampur baur antara tanggungjawab dan emosi.

Setelah hampir 2 jam mengharungi kepekatan malam akhirnya jenazah tersebut tiba di pengkalan bot RPS Kemar. Dengan bantuan beberapa orang saudara terdekat yang mengiringi, jenazah dinaikkan ke dalam Land Rover dan pintu belakang terpaksa dibuka berikutan pengusung mayat yang panjang. Pengusung tersebut diikat pada rantai pintu belakang Land Rover untuk mengelakkannya jatuh.

Hampir pukul 10 malam, kami meneruskan perjalanan ke rumah Roslan dalam keadaan hujan lebat. Aku memegang erat *steering* Land Rover dan menumpukan perhatian kepada pemanduan. Ketika melalui kawasan berbukit dan jalan yang licin berbecak, tiba-tiba kedengaran jeritan cemas 'Mayat Terbang!!! Mayat Terbang!!'. Aku panik dan hampir gagal mengawal pemanduan... Serentak itu seluruh badan aku menggeletar ketakutan....aku terus membaca ayat-ayat Al-Quran yang terlintas di fikiranku.

Aku memberhentikan kenderaan dan memberanikan diri melihat ke belakang dan rupanya tali pengikat jenazah tersebut terputus menyebabkannya terjatuh. Dengan sepenuh kekuatan aku mengagahkan diri mengagau lumpur dan becak mencari jenazah tersebut. Hanya Allah Maha Mengetahui perasaan aku ketika itu..

Alhamdulillah setelah jenazah selamat diurus aku pulang ke rumah dan terus membersihkan diriku. Keesokan harinya aku demam 3 hari berturut-turut. Ada yang kata akibat badi mayat, tetapi bagi aku ini ialah tanggungjawabku,...

Roslan bin Mat  
Penyelia Rancangan Tanah (No. Staf : 3926)  
Rancangan Penempatan Semula (RPS) Kemar 1986.



## KAMPUNG BANTAL - ALAH BISA TEGAL BIASA

"Hari pertama saya sampai Kampung Bantal kira-kira pukul 4.00 pagi. Air mata saya mengalir namun saya cuba menenangkan perasaan saya". Begitulah ungkapan Encik Ishak bin Ayob yang ditugaskan sebagai Pengurus Kawasan Kampung Bantal, Pahang ketika memulakan bicara.

Kampung Bantal merupakan sebuah perkampungan tradisional Melayu yang terletak jauh di pedalaman iaitu 160 kilometer dari bandar Jerantut. Untuk sampai ke sana hanya dua jenis perhubungan, iaitu melalui sungai dan jalan balak. Menggunakan jalan balak mengambil masa tiga hingga empat jam dari Kuala Tahan ke Kampung Bantal dengan terpaksa meredah hutan belantara Taman Negara yang terletak di Banjaran Titiwangsa. Sementara laluan sungai dari Kuala Tahan ke Kampung Bantal sejauh 80 kilometer mengambil masa tiga jam dengan menaiki bot panjang yang merupakan pengangkutan utama masyarakat Kampung Bantal.

Faktor cuaca memainkan peranan penting bagi melancarkan perjalanan bagi kedua-dua perhubungan utama ini.

"Saya mula bertugas pada Jun 2009, dan saya memasuki ke Kampung Bantal dengan menggunakan kenderaan *four-wheel drive (4wd)* syarikat ukur bermula jam 8.30 malam. Agak mengejutkan saya kerana masuk di waktu malam khususnya dalam hutan belantara yang terdedah kepada berbagai ancaman seperti jalan yang curam dan licin dan binatang buas seperti harimau dan gajah," sambung beliau.



Jalan balak ke kampung Bantal.



Pengalaman bermalam di tengah hutan merupakan pengalaman yang sukar digambarkan sepanjang 3 tahun bertugas, saya telah 5 kali terkandas dan terpaksa bermalam di hutan belantara ini. Saya pula, 9 kali bermalam di tengah hutan sepanjang berkhidmat 5 tahun di Projek Kampung Bantal, sampuk Encik Lukman bin Zulkifli yang turut sama antara yang terawal bertugas di Kampung Bantal. Peristiwa yang tidak dapat dilupakan, iaitu pengalaman terkandas di tengah hutan belantara akibat kerosakan kenderaan dan jalan yang licin selepas hujan dan terpaksa menumpang di kongsi balak yang telah ditinggalkan. Rupa-rupanya kami bermalam dengan ditemani sekumpulan gajah yang hampir dengan kongsi tersebut. Hal ini dapat disedari apabila kami sedar pada waktu pagi kesan tapak dan najis binatang tersebut berhampiran kongsi tersebut. Kampung Bantal kini telah siap ditanam dengan pokok getah dan menjadi kegiatan ekonomi bagi masyarakat Kampung Bantal dan sedang menunggu untuk dikeluarkan hasilnya.

Begitulah sedikit sebanyak cabaran, kesungguhan dan kecekalan yang dipikul oleh kedua-dua insan ini dalam usaha untuk membangunkan ladang di satu tempat nun jauh di pedalaman.

"Tidak pernah rasa kecewa, tidak pernah rasa teraniaya, tidak pernah rasa sedih atau tidak pernah rasa terasing apabila ladang di Kampung Bantal berjaya dibangunkan". Kedua-dua staf ini mengakhiri kisah yang dikongsi.

### Ooh... Pulau Banggi..

Penerokaan awal pembangunan Pulau Banggi menagih kesabaran dan ranjau kesukaran kerana perlu berulang-alik menggunakan bot dari Pulau Banggi ke Kudat. Segala urusan pentadbiran dan kewangan dilaksanakan di bandar Kudat, ianya terpaksa menggunakan bot laju katamaran FELCRA Berhad yang biasanya mengambil masa dua jam perjalanan. Jika semasa musim berangin dan ombak besar segala program ke Kudat terpaksa ditangguhkan dan ini sedikit sebanyak mengganggu tugas yang sepatutnya dilaksanakan.

Cabaran angin kuat juga memerlukan ketahanan mental. Masyarakat disini menamakan "Angin Barat". Tiupan angin barat ini terlalu kencang. Ianya akan muncul hanya dengan memberi tanda-tanda awal yang singkat kira-kira sepuluh minit sebelum ianya melanda. Pengalaman yang dilalui semasa menempuh angin barat ini amat mengujakan kepada sesiapa sahaja.

Petang itu sewaktu dalam perjalanan menuju ke Kudat tiba-tiba muncul angin kuat. Keadaan laut bergelora dan ombak menjadi ganas. Bot dilambung ombak menyebabkan kami terumbang ambing bagi mengimbangi bot. Air laut mercik ke dalam bot yang kami naiki. Ada yang berusaha mengeluarkan air yang ada dalam bot dan ada yang melaungkan azan memohon perlindungan dari Allah SWT agar kami selamat.

Hari itu perjalanan kami ke Kudat mengambil masa empat jam merentasi Laut Sulu untuk ke Kudat. Keadaan laut yang bergelora dengan ombak setinggi tiga meter itu telah menghanyutkan bot kami hingga ke Simpang Mengayau.

Tiupan angin barat yang kuat ini memang menakutkan bagi setiap warga Pulau Banggi. Kelajuan tiupannya mampu menterbalikkan bot-bot di perkampungan pesisiran Pulau Banggi.

Pembangunan Agropolitan Pulau Banggi telah berjaya membangunkan tahap sosio ekonomi penduduk Pulau Banggi secara langsung dan tidak langsung. Secara nyatanya kemudahan infrastruktur kepada penduduknya telah ditambah baik dengan pembinaan jalan berturap sejauh 16 km, kemudahan bekalan elektrik 24 jam dan bekalan air bersih kepada beberapa buah kampung seperti Kg. Kerakit, Kg. Perpaduan, Kg. Batu Putih, Kg. Lok Tohog, Kg. Indah Lupi, Kg. Batu Layar dan beberapa kampung lain.

Akibat dari pembangunan infrastruktur asas di Pulau Banggi ini, telah berlaku penghijrahan balik (reverse migration) oleh penduduk asal Pulau Banggi yang bekerja di Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau malah di Kudat sendiri. Mereka mula kembali ke Pulau Banggi untuk mengerjakan aktiviti ekonomi harian. Kini Pulau Banggi... menjadi nostalgia kami ..... membandarkan sebuah pulau menjadi pulau yang membawa erti kehidupan masyarakat setempat....

*Haji Hilmi bin Haji Ismail*



### 'SEPERTI BELANDA MINTA TANAH'...

Pagi itu pemandu trektor di tempat saya bertugas kelihatan cemas semasa beliau datang ke bilik saya. Beliau memaklumkan seorang peserta sedang menuju ke pejabat dengan membawa sebilah parang dan berkeadaan seolah-olah ada rasa tidak puashati dengan pihak Pengurusan Kawasan. Beliau berharap saya boleh bersedia untuk meredakan keadaan.

Tidak lama selepas itu kedengaran suara seorang Pak Cik dalam keadaan marah bertanyakan sesuatu dengan staf pentadbiran di luar bilik saya. Suaranya agak meninggi dan saya terdengar ungkapan 'Seperti Belanda Minta Tanah...' dan ingin berjumpa Pengurus.

Beliau telah dibawa masuk ke bilik dan saya meminta beliau untuk duduk dan bertenang. Mukanya kelihatan masam mencuka.. Sambil duduk, beliau meletakkan sebilah parang yang kelihatan berkilat menunjukkan baharu sahaja ditajamkan di atas penjuru meja saya.. Fikiran saya pada ketika itu sekiranya keadaan menjadi tidak terkawal ... saya akan menjadikan meja yang ada sebagai perisai melindungi diri..

Saya memulakan perbualan dengan bertanyakan khabar keluarganya... anak-anak serta cucu-cucu beliau.. Sepanjang sesi perbualan tersebut beliau mengungkapkan rasa tidak puashati di atas tindakan Pengurusan Kawasan memusnahkan tanaman kontan yang beliau usahakan di lot perumahannya yang bersempadan dengan kawasan yang sedang dimajukan.

Saya memberi penjelasan kepadanya tujuan Pengurusan Kawasan membersihkan kawasan tanah terbiar itu adalah untuk dimajukan dan faedahnya akan dinikmati oleh peserta-peserta di kawasan tersebut. Saya memberi jaminan kepadanya bahawa keluasan lot perumahan yang telah diperuntukkan tidak akan dikurangkan sebagaimana ditetapkan. Namun begitu sekiranya keluasan lot tersebut melebihi dari keluasan yang ditetapkan maka beliau hendaklah bersedia menyerahkan semula kepada Pengurusan FELCRA.

Saya mengakhiri bicara bahawa kehadiran Pengurus dan staf di sini adalah untuk memajukan Kawasan ini. Kami datang dan pergi... tetapi masyarakat di sini akan terus kekal disini... Pilihan yang ada... kita perlu saling bekerjasama untuk mencapai kejayaan bersama ...



### INTIPAN YANG MENGUBAH MINDA...

Kehilangan hasil sekerap di ladang getah merupakan fenomena yang biasa dan jika tidak ditangani dengan bijaksana akan menyebabkan kerugian yang berpanjangan.

Di Subuh yang hening itu saya bertekad membuat intipan dengan memanjat pokok getah yang rendang di lokasi yang dikenalpasti sering berlaku kehilangan hasil getah sekerap.

Dari atas pokok getah tersebut saya dapat memerhatikan apa yang berlaku di sekitar kawasan ladang tersebut. Kira-kira dua jam saya berada di atas pohon getah itu, saya dapat melihat dengan jelas apa yang sedang dilakukan oleh penoreh berkaitan terhadap hasil kutipan getah sekerap yang telah dikutipnya.

Beliau telah meletakkan sebahagian hasil kutipan getah sekerap tersebut ke kebun bersempadan dengan ladang FELCRA. Manakala sebahagian lagi telah dikumpulkan di tempat yang di tetapkan untuk diangkut oleh trektor ke Pusat Mengumpul Getah (PMG).



Tanpa disedarinya saya telah muncul dari arah belakangnya dan bertanya mengenai hasil kutipan getah sekerap pada hari tersebut. Saya perhatikan beliau agak gelisah, mukanya agak pucat lesi, kata-katanya kurang teratur dan semacam panik ... Saya telah mengajaknya untuk pergi ke kebun bersempadan ladang yang ditorehnya dan menemukan longgokan guni getah sekerap yang tersusun di situ. Tanpa banyak bicara beliau mengaku telah melakukan perkara tersebut... genangan air mata mengalir dari kedua kelopak matanya seolah-olah meminta simpati agar tidak dikenakan tindakan keras dari Pengurusan. Saya memaklumkan bahawa mulai hari itu beliau direhatkan dari menoreh selama 14 hari....

Masa berlalu... peristiwa intipan itu telah mengubah mindanya dan ianya dizahirkan dengan memberi perkhidmatan yang terbaik selepas itu ...

(Paparannya di atas merupakan sekelumit kisah yang dikongsikan oleh Haji Ismail bin Husain yang pernah bertugas di kawasan penempatan banjir FELCRA Sg. Lengkor, Pekan, Pahang. Kini ianya dikenali sebagai FELCRA Kawasan Sri Makmur.)



### PENGGISAHAN KEHIDUPAN 1: LEKIR

#### i) Nasib baik Ada Persatuan Tabung Nikah Kahwin...

" Kalau tidak agaknya lewatlah kami bernikah sebab kena kumpul duit perbelanjaan..." Itulah antara modal cerita peserta-peserta Rancangan Tanah Belia Lekir, Perak lebih 43 tahun lalu.

Semasa mula-mula menjadi peserta Lekir, kesemua 142 peserta tinggal di asrama kayu selama 5 tahun sebelum berpindah ke rumah masing-masing. Dalam tempoh itu juga peserta-peserta tidak dibenarkan berkahwin kecuali adalah dua tiga orang yang telah bernikah awal.

Dengan gaji bulanan yang tidak seberapa ketika itu, sememangnya amat sukar untuk mencari duit tujuh hingga lapan ratus ringgit sebagai belanja perkahwinan. Jodoh telah ada namun duit pula tiada.

Lantas, ditubuhkan Persatuan Tabung Nikah Kahwin dengan potongan elaun bulanan sebanyak RM5.00 seorang. Alhamdulillah, tabung ini telah berjaya membantu kesemua 142 peserta untuk mengadakan kenduri perkahwinan dengan bantuan sebanyak RM700.00 bagi setiap orang.

#### ii) Layar Perak Tertera... Peserta Belia Lekir Sila Keluar, Ladang Terbakar...

Begitulah halnya ketika sedang seronok menonton wayang gambar filem Hindustan, tiba-tiba notis berkenaan tertera di layar perak. Semestinyalah penonton lain berasa tidak senang kerana filem sedang menayangkan aksi menarik, tiba-tiba diganggu dengan pengumuman pula.

Apabila terpapar sahaja notis berkenaan kami peserta belia Lekir bergegas keluar dari panggung wayang kerana di luar trailer yang ditarik trektor telah sedia menunggu.

Waktu itu, tinggallah filem Hindustan yang separuh jalan dan tinggallah teman wanita kerana operasi menyelamatkan ladang yang terbakar adalah lebih penting kerana di situlah pintu rezeki kami.

#### Pengkisah:

En. Samsuri Mat Khamis  
Ketua Peserta Lekir 1

En. Sofian Abidin  
Pengerusi Koperasi Peserta Rancangan (KPR)

En. Ahmad Damanhuri Kadiso  
Ketua Peserta Lekir 2

En. Ismail Abdullah  
Setiausaha Koperasi Peserta Rancangan (KPR)

Tn. Hj. Syarif Sain  
Pengerusi JKKK

En. Zainun Awang  
Bekas Ketua Peserta

Tn. Hj. Hamzah Samad  
Ketua Seri Taman 2

En. Abd. Mutalib Mat Nasir  
Ahli Jawatankuasa Kemajuan Kampung



Disiplin Belia...  
Roll Call



Kenderaan Rasmi...  
Trailer... Berlatarbelakangkan  
Asrama Beratap Rumbia



Rumah Asal...



Kini Di Lekir...

## PENGGISAHAN KEHIDUPAN 2: LAKAI

### i) Sebenarnya Kami Tak Pernah Rancang...

Itulah keluhan sebahagian warga peserta Lakai apabila mengimbau insiden mengurung pegawai di Pejabat FELCRA Lakai pada tahun 1984 sehingga memaksa pihak berkuasa campurtangan bagi menyelesaikan pengurungan yang berlarutan selama 8 jam.

Isunya adalah tuntutan kenaikan kadar gaji. Ketika itu gaji yang diterima adalah rendah dan tidak mencukupi berbanding perbelanjaan, lebih-lebih lagi dalam tekanan membina keluarga baru dan membesarkan anak-anak.

Maklum saja ketika itu darah muda yang rata-rata berusia pada purata 25 tahun gagal mengawal perasaan sehingga mencetuskan insiden mengurung pegawai itu. Namun begitu, insiden berkenaan telah memberi kesedaran kepada warga belia Lakai supaya menjadi lebih matang dalam menghadapi apa jua keadaan.

#### Pengkisah:

En. Mohamad Yudin Othman  
Ketua Peserta

En. Abdul Rahman Musa  
Pengerusi KPR

Kaharudin Aziz  
AJKKP



Kami Juara...  
Pasukan Bolasepak Belia Lakai.

### ii) Lori Hijau... Lori Hantu...

Itulah kenderaan rasmi kami sejak hari pertama menjadi Peserta FELCRA Lakai. Semasa hendak melapor diri lori hijau inilah yang menunggu kami di Simpang Pertang untuk membawa kami masuk ke Lakai.

Andainya ada perlawanan bolasepak, maka lori hijau ini yang membawa pemain-pemain ke destinasi perlawanan. Deruan enjinnya membelah keheningan kampung seolah-olah memberitahu bahawa hero-hero Belia Lakai sedang melalui kampung mereka. Rasa bangga sebab pasukan bolasepak kami adalah di antara pasukan yang terbaik waktu itu.

Bukan setakat itu sahaja, malah lori hijau ini juga yang mengangkut kami untuk majlis-majlis seperti Sambutan Maulidur Rasul, Sambutan Hari Belia, Lawatan-lawatan dan sebagainya.



Kami Tetap Bersama...  
Sambutan Hari Raya Negara...1977.



Asrama  
Kami...  
1980an.

### PENKISAHAN KEHIDUPAN 3: WENG

#### i) Sambutan 25 Tahun FELCRA Menyambut Kemasukan Kami...

Usia kami bersama FELCRA telah menjangkau 25 tahun dan ketika kami masuk ke Projek Belia Weng waktu itu, FELCRA sedang menyambut ulangtahunnya yang ke-25. Ini bermakna, tatkala FELCRA menyambut ulangtahun Jubli Emas 50 tahun, maka kami Peserta Belia Weng menyambut ulangtahun Jubli Perak 25 tahun.

Pada awal tahun 1992, kami seramai 46 orang telah berjaya dipilih menyertai Projek Belia Weng. Kami datang dari seluruh Negeri Kedah. Waktu itu, purata usia kami adalah dalam lingkungan 25 tahun. Ada di antara kami yang telah berumah tangga dan ada pula yang telah bekerja di pelbagai sektor. Namun atas keyakinan bahawa projek perladangan di Weng boleh menjamin masa depan maka segala kepayahan dan kesulitan awal ditempo dengan kesabaran.

Kami diajar menoreh getah yang kini menjadi kerjaya baru kami. Rumit juga rasanya kerana kebanyakan dari kami adalah bekas pekerja kilang, bekerja sendiri dan sebagainya. Masa itu upah yang kami terima pun kecil, maka kami terpaksa berikat perut, berjimat cermat untuk meneruskan kehidupan awal di bumi Weng.

#### ii) Anak Kecil Main Api...

Selama 2 minggu kami diajar dan disuruh menyanyikan lagu warisan iaitu semasa minggu orientasi. Masih terngiang-ngiang lagi alunan lagu itu malah kami masih boleh menyanyikannya sehingga sekarang. Lagu ini telah banyak membantu membina semangat kami sehingga mampu bertahan dengan jayanya di sini.

Kenangan yang melucukan adalah apabila kami diminta untuk melakukan gerakan senamrobik yang tidak pernah kami buat sebelum ini. Ketika itu kami lebih penat bergelak berbanding dengan penat bersenam. Namun itulah pencetus keharmonian setiakawan yang kekal kukuh sehingga ke hari ini.



Hari Pertama Di Weng.



Bangga Mengenakan T-Shirt Berlogokan Sambutan 25 Tahun Felcra.



Mahligai Kami Kini...

#### Pengkisah:

En. Omar Abu Bakar  
Ketua Peserta Weng

En. Mazalan Selimin  
Ahli Jawatankuasa Kemajuan Projek

En. Khalid Mustapa  
Pengerusi Koperasi Peserta Rancangan (KPR)

En. Ali Ismail  
Lembaga Pengarah Koperasi Peserta Rancangan (KPR)

# CORPORATISATION AGREEMENT

BETWEEN



THE GOVERNMENT OF MALAYSIA

AND



## ARTICLE 5 SOCIAL OBLIGATIONS

- 5.1 The COMPANY shall continue to provide social obligations as the Authority used to provide the Participants before the Vesting Date.
- 5.2 Social obligations of the COMPANY shall include the following:-
- provide the Participants liaison through the emplacement of participant liaison officers at the appropriate levels and through the promotion and establishment of scheme development committees (Jawatan Kuasa Kemajuan Projek-JKKP) in each Project;
  - provide the Participants social development functions in each Project through the establishment of scheme cooperatives, women institution, and through community and

### AGREEMENT

THIS AGREEMENT is made the 12 day of April, 2003

BETWEEN

1. THE GOVERNMENT OF MALAYSIA (hereinafter referred to as "the GOVERNMENT") of the one part.

AND

2. FELCRA BERHAD (Company No. 432483-U) a public company incorporated under the Companies Act 1965 and having its registered office address at Wisma FELCRA, Lot PT 4780, Jalan Rejang, Setapak Jaya, 53300 Kuala Lumpur (hereinafter referred to as "the COMPANY") of the other part.

### WHEREAS:

- The COMPANY was incorporated on the 23rd day of May 1997 by the GOVERNMENT for the purpose of taking over all properties, rights and liabilities of the LEMBAGA PENYATUAN DAN PEMULIHAN TANAH PERSEKUTU (hereinafter referred to as "the Authority") a statutory body established under the National Land Rehabilitation and Consolidation Authority (Incorporation) Act 1997. Presently the COMPANY is wholly owned by the Minister of Finance, a corporate under the Minister of Finance (Incorporation) Act 1957 (herein referred to as "the Minister of Finance (Incorporated)").
- By a Vesting Order dated 14th August 1997 and made by the Honourable M of Rural Development Malaysia pursuant to Section 3(1) of the Land Rehabilitation and Consolidation Authority (Succession and Dissolution) Act 1997 all properties, rights and liabilities of the Authority were, effective from the 1st day of Sept 1997, transferred to and vested in the COMPANY.
- The GOVERNMENT is desirous of corporatising the activities of the Authority on the terms and conditions herein contained.

RAHSA

New Projects

RAHSA

- provide training for the Participants in skills and leadership to enable them to provide able leadership in the Participants;
  - provide training to the Participants in various fields of their interest to enable them to venture as contractors and small/medium Industrials;
  - encourage wider participation by bumiputra entrepreneurs in economic and commercial activities undertaken by the COMPANY in each Project and in this respect to give priority to such qualified bumiputra entrepreneurs in distributing commercial contracts to contractors;
  - provide assistance in poverty eradication programme to include the hardcore poor (whose names are to be provided by the GOVERNMENT) as well as "FELCRA's own participants";
  - facilitate the necessary activities which contribute towards the improvement of Participants in areas of training, commercial, religious education and publication of relevant information for the Projects and Participants; and
  - other social development activities that the COMPANY shall see fit for the betterment of the Participants.
- 5.3 The COMPANY hereby agrees, for each financial year, to contribute RM4.3 million for the above mentioned social obligations of FELCRA BERHAD.
- 5.4 The COMPANY shall not later than the 31st day of December of each year to the Ministry in charge of Rural Development to report the social obligations the COMPANY has undertaken pursuant to Clause 5.1.
- 5.5 The COMPANY shall in implementing the social obligations under Clause 5.1 be guided by the "Garis Panduan Pelaksanaan Projek" annexed herewith as ANNEXURE III to this Agreement from time to time.

# Empat

## TANGGUNGJAWAB SOSIAL AMANAH DIJUNJUNG

Kewujudan organisasi dikelilingi oleh persekitarannya. Oleh itu, ia tidak boleh mengabaikan masyarakat sekelilingnya peserta, pekerja dan keluarga mereka dan kesejahteraan komuniti. FELCRA prihatin akan hal ini dan melaksanakan tanggungjawab sosial sepenuhnya mengikut kemampuan sedayanya.

## TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

Tanggungjawab sosial korporat menjadi fesyen (fashionable) dan panggilan suci di sektor korporat seluruh dunia dipertengahan tahun 1980an. Di FELCRA ia telah terpahat sejak awal lagi dan telah lama dipraktikkan. Bila FELCRA dikorporatkan dalam tahun 1997 tanggungjawab sosial ini termaktub dalam perjanjian kerajaan persekutuan dan termetri dalam dua perkara:

- **Sentiasa berusaha untuk meningkatkan tahap pendapatan peserta melalui kecekapan pengurusan sekim.**
- **Untuk memberikan pembangunan sosial kepada peserta seperti yang dibekalkan sebelum pengkorporatan.**

Tanggungjawab sosial korporat dilakukan dalam dua bentuk iaitu “hardware” dan “software”. Hardware menekankan dalam pembangunan fizikal iaitu infrastruktur dan kemudahan asas manakala software memfokuskan kepada pembangunan modal insan dari segi pendidikan dan peningkatan kemahiran.

Peruntukan untuk menjalankan aktiviti tersebut disalurkan melalui peruntukan FELCRA sendiri, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dan juga melalui Yayasan FELCRA. FELCRA memperuntukan sejumlah RM4.3 juta setahun bagi membiayai aktiviti social korporat manakala peruntukan dari kementerian berubah setiap tahun bergantung kepada belanjawan yang diagihkan. Yayasan FELCRA mendapat peruntukan dari FELCRA dan anak-anak syarikat hasil dari keuntungan yang dijanakan setiap tahun.

Peruntukan dari kementerian adalah sebagai tambahan bagi menampung kegiatan tanggungjawab social FELCRA terutamanya dalam penyediaan infrastruktur dan kampung tersusun. Perbezaan antara penggunaan pembiayaan kementerian dan FELCRA adalah peruntukan dari kementerian digunakan untuk faedah penduduk disekeliling dan berhampiran dengan rancangan FELCRA. Manakala peruntukan FELCRA khusus untuk faedah peserta-peserta rancangan.

Aktiviti sosial korporat yang dijalankan oleh Yayasan FELCRA lebih bercorak kebajikan dan pendidikan. Antaranya ialah bantuan kepada mereka. Dalam bidang pendidikan biasiswa ditawarkan untuk anak-anak peserta dan warga kerja FELCRA untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang tertentu seperti perubatan. Disamping itu kelas tuisyen juga diadakan untuk faedah anak-anak peserta. Aktiviti sosial korporat Yayasan FELCRA ini memberi manfaat kepada peserta-peserta FELCRA dan juga warga kerja FELCRA.



Tanggungjawab sosial FELCRA Berhad - Penyediaan perumahan peserta yang selesa melalui program penyusunan semula kampung (PPSK) di FELCRA Sri Makmur, Pekan, Pahang.



Majlis penyerahan kunci rumah PPSK.

**FOKUS FELCRA DALAM MENJALANKAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL INI MENJURUS KEPADA BEBERAPA ASPEK:**

- Pembangunan generasi kedua
- Program penyusunan kampung
- Pembinaan infrastruktur fizikal
- Pembangunan modal insan
- Pemerksaan modal insan
- Institusi desa dan peserta
- Lain-lain aktiviti tanggungjawab sosial korporat



Serah hak milik tanah.



**PEMBANGUNAN GENERASI KEDUA**

Penyediaan rumah mampu milik kepada generasi kedua



Setelah lima dekad berlalu generasi perintis peserta FELCRA telah digantikan oleh anak-anak mereka yang dipanggil sebagai Generasi Kedua. Tentunya keperluan mereka dan pengharapan mereka berbeza dari generasi perintis kerana masa telah berubah. Untuk meneruskan kesinambungan dan untuk penambahbaikan FELCRA menumpukan kepada pembangunan gulungan ini. Antara yang ditekankan adalah pendidikan yang sesuai bagi membolehkan mereka berdaya maju dan menambahkan produktiviti. Di samping itu perumahan yang selesa dan mampu milik disediakan untuk keperluan mereka.



Penyediaan rumah mampu milik untuk generasi kedua - FELCRA Seberang Perak.

## PROGRAM PENYUSUNAN SEMULA KAMPUNG

Rancangan FELCRA telah berjalan selama lima dekad dan tentunya penempatan yang asal tidak sesuai daya tuntutan semasa. Oleh itu program penyusunan semula Kampung dijalankan untuk membolehkan Kampung yang sedia ada bagi keselesaan penduduk sejumlah 1395 rumah telah dibina semula dan jumlah yang terbesar ialah Di negeri Pahang sebanyak 600 buah rumah iaitu 45% dari jumlah keseluruhannya.



Negeri	Bilangan Rumah	Jumlah
Kedah	100	1,395
Perak	150	
Melaka	106	
Terengganu	72	
Johor	150	
Pahang	600	
Sabah	123	
Negeri Sembilan	94	

## PEMBINAAN INFRASTRUKTUR FIZIKAL

Antara tanggungjawab sosial FELCRA dan Kementerian adalah untuk membina infrastruktur fizikal bagi kemudahan peserta rancangan. Pembinaan jambatan dan jalan raya bagi memudahkan hubungan dengan pihak luar dan mengangkut hasil pengeluaran adalah antaranya. Pembinaan masjid dan surau bagi keperluan peserta menjalankan ibadah juga diberi keutamaan. Begitu juga pembinaan sekolah dan tadika bagi kemudahan anak-anak peserta mendapat pendidikan yang sempurna. Kemudahan seperti dewan orang ramai bagi penduduk menjalankan kegiatan sosial dan padang futsal bagi mereka beriadah juga disediakan.




Bangunan Pra Sekolah

Jalan Kampung

Jambatan

Surau



Jeti

Jalan Pertanian

Jambatan

## PUSAT PERTUMBUHAN DESA



**Gelanggang Futsal**  
*FELCRA Sri Makmur, Pahang.*



**Dewan Serbaguna**  
*FELCRA Lubuk Sireh, Perlis.*



**Baikpulih Bangunan**  
*FELCRA Keruak, Terengganu.*



**Masjid FELCRA**  
*Sungai Ara, Johor.*

## KEMUDAHAN SOSIAL DAN PELENGKAPAN KAMPUNG



**Komponen Homestay**  
*FELCRA Kg. Salong, Pahang.*



**Lanskap Luar Bandar**  
*FELCRA Belimbang Tolak, Kedah.*



**Masjid FELCRA**  
*Lekir, Perak.*



**Dewan Serbaguna**  
*FELCRA Seberang Perak, Perak.*

## INSTITUSI DESA

Pembangunan institusi desa seiring dan menyokong pembangunan fizikal dan komersial rancangan penempatan seperti FELCRA. Ini disebabkan keperluan penduduk dari segi pendidikan kemasyarakatan dan perniagaan perlu dipenuhi. Institusi tersebut tertera didalam jadual dibawah ini dengan jumlah peserta yang terlibat, projek yang dijalankan dan nilai aset yang dikumpulkan.

Projek Pembangunan Peserta (JKKP)	498 Buah
Koperasi Peserta FELCRA Berhad (KPFB) Aset Tetap Nilai Aset Semasa Jumlah Saham (117 KPR)	RM 11.846 Juta RM 53.264 Juta RM 8.7222 Juta
Koperasi Peserta Rancangan FELCRA (KPR) Jumlah Saham	158 Buah RM 56 Juta
Perkumpulan Wanita Dinamis FELCRA (WADIRA) Peserta	81 Buah 16,734 Orang
Tabika Bilangan Pelajar	37 Buah 799 pelajar
Taska Bilangan kanak-kanak	19 buah 105 Orang
Sekolah Agama Rakyat (SAR)	20 Buah

## PEMERKASAAN MODAL INSAN

### GERAKAN DESA WAWASAN

Latihan kemahiran untuk belia amat penting bagi membolehkan mereka mengasah bakat dan mendalami kecekapan mereka dalam bidang tertentu. Ini akan mendayakan mereka untuk memulakan perusahaan sendiri atau manfaat peluang pekerjaan yang lebih baik. Dalam hal ini kemahiran seperti bertukang, menjahit, memasak dan memperbaiki jentera turut diajarkan untuk faedah belia di rancangan FELCRA.



Pelancaran Gerakan Desa Wawasan oleh YAB Dato Seri Dr Mahathir Mohamad.



## YAYASAN FELCRA

FELCRA Berhad dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah FELCRA Berhad Kali Ke-15 pada 17 Ogos 1999 telah meluluskan penubuhan Yayasan FELCRA. Yayasan ini didaftarkan mengikut Akta Syarikat Tahun 1965 pada 6 Disember 1999 (No. Syarikat : 500424 W) dan merupakan milik penuh FELCRA Berhad.

### ● VISI

- Menjadi sebuah badan yang unggul dalam pendidikan dan kebajikan dengan obligasi sosial sebagai tunggak utama untuk merealisasikan komitmen kepada warga FELCRA Berhad.
- Melahirkan seberapa ramai profesional dan cendekiawan cemerlang daripada kalangan anak warga FELCRA Berhad.
- Menjelang akhir tahun 2020 seramai 1,000 orang anak warga FELCRA Berhad akan dilatih dalam berbagai bidang kemahiran.
- Memberikan sumbangan kebajikan kepada warga FELCRA Berhad yang ditimpa musibah.

### ● MISI

- Memupuk dan meningkatkan kesedaran serta minat dalam bidang pengajian profesional, sains dan teknologi.
- Mengadakan program kecemerlangan pelajaran secara sistematik ke arah mencapai tahap pencapaian akademik yang lebih baik.
- Mewujudkan saluran komunikasi yang berkesan antara Yayasan FELCRA dengan warga FELCRA Berhad dalam melaksanakan penyaluran bantuan kepada yang layak dengan cepat dan efisien.

## KEMUDAHAN DAN FAEDAH

- Warga FELCRA Berhad (peserta, staf dan staf anak syarikat)
- Anak-anak peserta FELCRA Berhad
- Anak-anak staf FELCRA Berhad
- Anak-anak staf anak syarikat FELCRA Berhad



## AKTIVITI TANGGUNGJAWAB SOSIAL YANG LAIN YANG DILAKSANAKAN OLEH FELCRA



Pembinaan Institusi Kepimpinan Kelas Pertama- JKKP, WADIRA dan Belia.



Penyusunan Struktur Kepimpinan Belia: Dinamik, waris pelapis dan New Force.



Usahawan; Komuniti Baru berdaya maju  
- Usahawan RBC (belia)  
- Usahawan kontraktor.



Pemeriksaan gerakan koperasi.



## Lima

### JARINGAN PERNIAGAAN TERSEBAR LUAS

Peng korporatan FELCRA telah menghasilkan sektor korporat yang dinamik dalam berbagai-bagai bidang perniagaan secara langsung atau usaha sama. Bidang perniagaan yang diceburi berkaitan dengan teras utamanya atau yang mempunyai potensi untuk berdaya maju.

Peng korporatan FELCRA telah menyaksikan tumbuhnya syarikat-syarikat subsidiari dan usahawan dalam sektor hulu dan hiliran. Syarikat-syarikat ini telah menyumbangkan kepada keuntungan FELCRA Berhad. Antara tujuan penglibatan FELCRA dalam perniagaan adalah untuk:

**MENJALANKAN AKTIVITI PERNIAGAAN DENGAN CEKAP DAN MENGUNTUNGKAN UNTUK:**

- Mengurangkan kebergantungan dalam perniagaan teras
- Risiko turun naik harga komoditi
- Peningkatan subsidi FELCRA kepada para peserta yang dianggarkan sebanyak RM50 juta setahun
- Peningkatan kos pengurusan ladang dan caj pengurusan ladang yang tidak dikaji semula semenjak tahun 1997
- Tanah terbiar berpotensi telah berkurangan dan peningkatan harga tanah
- Untuk merealisasikan aset sebenar syarikat
- Mempertingkatkan dividen kepada pemegang saham



## RANGKA TINDAKAN PERNIAGAAN FELCRA DIRANCANG DENGAN TELITI UNTUK MERANGKUMI SERAMPANG EMPAT MATA.

Sebagai badan korporat FELCRA harus bergerak mengikut perubahan dinamik persekitarannya. Hal ini termasuklah memperluas aktiviti perniagaan teras, mempelbagaikan portfolio perniagaan dengan menceburi aktiviti baru dan meneroka aktiviti strategik bagi menjamin kelangsungan kewujudannya.

Pengembangan aktiviti teras mengambil dua bentuk, iaitu pengembangan secara mendatar (horizontal) dan pengembangan secara menegak (vertical). Pengembangan secara mendatar ialah dengan memperluaskan ladang tanamannya dengan pembukaan estet baru, menjalankan usaha sama dengan kerajaan Negeri atau membeli ladang swasta. Pengembangan secara menegak (vertical) ialah melakukan proses yang berkaitan dengan perniagaan teras seperti nurseri benih, pemprosesan minyak sawit untuk dijadikan minyak masak dan pemerosesan CPO untuk menghasilkan Bio-gas metane dan Bio-disel.

Sebagai langkah pelbagaian, perniagaan baru yang berdaya maju diteroka yang memberikan sinergi kepada perniagaan teras. Hal ini termasuklah pembangunan hartanah dengan mengambil kesempatan daripada banyak tanah FELCRA yang boleh dimajukan untuk pembangunan bercampur (*mixed development*). Pendidikan juga merupakan satu bidang yang berpotensi dan menguntungkan. Oleh itu, FELCRA telah menubuhkan Kolej Pendidikan FELCRA untuk menampung keperluan pendidikan yang bertambah di negara ini.

Antara aktiviti perniagaan yang mempunyai sinergi dengan FELCRA ialah bidang insurans dan kewangan bagi menampung keperluan peserta dan warga kerja FELCRA.



Estet usaha sama pertama antara FELCRA Berhad dengan Lembaga Amanah Masjid Mukah Sarawak - Estet Balingan.



Estet FELCRA Balingan.



Majlis perjanjian pembelian bangunan milik Utusan Malaysia untuk dijadikan ibu pejabat FELCRA Berhad.



## PERNIAGAAN TERAS DAN PEMBANGUNAN YANG BERKAITAN

Dalam meneruskan perniagaan sedia ada, pelaksanaan yang berkesan diberikan fokus utama. Tumpuan dalam pengembangan aktiviti adalah dalam bidang yang mempunyai daya saing dan memberikan pulangan ekonomi yang lebih tinggi. Di samping itu keutamaan diberikan kepada tanaman berhasil tinggi, akuakultur, penyelidikan dan pembangunan. Juga ditekankan Industri berasaskan pertanian dengan tumpuan untuk mengeluarkan lebih banyak barang siap.

Dalam aktiviti hiliran FELCRA telah menceburi pemerosesan minyak kelapa sawit untuk membuat produk seperti oleokimia, kosmetik dan yang lain. Produk yang berasaskan getah yang dikeluarkan adalah tayar dan profirilaktik dan juga pengeluaran baja dan yang berkaitan.

Memandangkan FELCRA terlibat dalam pembangunan tanah dan pembinaan bandar baru tentunya bidang pengangkutan dan yang berkaitan ialah pengembangan yang wajar dan harus disertai.



*Lawatan Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah, YB Datuk Dr Suleiman Daud, ke kilang benih padi di Seberang Perak, Perak.*

Untuk menggalakkan pelaksanaan aktiviti pertanian dengan penggunaan teknologi moden dan terkini, FELCRA mengambil bahagian dalam taman agroteknologi. Ini melibatkan peningkatan penggunaan tanah dan produktiviti termasuk torehan kekerapan rendah, pelindung hujan dan hidroponik. Bagi mengeluarkan benih berhasil tinggi dan tanaman bernilai tinggi kerjasama dalam penyelidikan dengan institusi terkemuka diusahakan bagi meneroka bidang bioteknologi dan kejuruteraan genetik.



*Pegawai World Bank memberikan khidmat nasihat pertanian di Seberang Perak.*



*Lawatan ke tapak projek oleh pegawai World Bank.*



*Projek pengairan FELCRA Seberang Perak.*

## LINGKARAN GEOGRAFI DAN SINERGISTIK:

Pengalaman FELCRA dalam bidang pengurusan ladang dan pertanian boleh dieksportkan sebagai khidmat nasihat kepada negara-negara yang membangun. Oleh itu usaha sama dengan rakan kongsi asing dimanfaatkan terutamanya bagi memasarkan produk yang berasaskan kelapa sawit dan getah.



*Perjanjian pembinaan kilang sawit FELCRA Bukit Kepong.*



*Kilang sawit FELCRA dalam pembinaan di FELCRA Bukit Kepong.*

## Aktiviti-aktiviti Lain

Bidang pelancongan merupakan satu bidang yang bersinergi dengan aktiviti FELCRA. Hal ini memandangkan kawasan luar bandar mempunyai potensi untuk dipromosikan sebagai destinasi pelancongan yang menarik. Produk seperti Inap desa (*homestay*) yang memberi peluang kepada pelancong asing untuk merasai kehidupan luar bandar. Di samping pelancongan-agro, kawasan yang mempunyai pemandangan yang menarik dengan air terjun, bukit bakau dan sungai dapat dijadikan daya tarikan pelancong.

Pembangunan hartanah yang melibatkan pembinaan rumah kediaman, taman perindustrian dan resort ialah bidang yang berpotensi dan menguntungkan. Memandangkan FELCRA mempunyai stok tanah yang berpotensi untuk dimajukan adalah wajar kegiatan ini dipergiat.



Aktiviti yang ditawarkan dalam program inapdesa kepada pelancong.



Jaringan perniagaan FELCRA yang luas dengan jumlah peserta yang ramai menampakkan potensi dalam bidang perbankan dan insurans. Melalui usaha sama atau bersendirian, sektor boleh memberikan pulangan yang lumayan di samping dapat meningkatkan perkhidmatan kepada warga FELCRA.

Perkembangan teknologi pesat dalam pertanian dan teknologi maklumat memerlukan kerjasama rapat dengan pihak lain untuk meningkatkan daya saing. Oleh itu, adalah wajar FELCRA menjalin perkongsian pintar dan strategik dengan syarikat asing. Perkongsian pintar ini dapat memendekkan keluk pembelajaran (*learning curve*), membolehkan pemindahan teknologi, malah boleh mengurangkan kos berbanding jika dilakukan sendiri.



Perkongsian pintar teknologi ke Jepun dalam penanaman padi - Transplanter.



Kilang sawit FELCRA yang pertama - dibina di FELCRA Bukit Kepong, pada tahun 1978.





## Enam

### JEJAK JAYA TERUKIR KUKUH

Setelah menghampiri 5 dekad, banyak jejak kejayaan yang diukir dan menjadi kebanggaan warga FELCRA dari segi pembangunan kawasan dan komuniti serta insaniah telah menjadi model untuk dipelajari dan diikuti oleh institusi yang berminat di dalam dan luar negara.





### SEBERANG PERAK MANIFESTASI KEJAYAAN PENDEKATAN BERSEPADU

Kawasan yang meliputi keluasan 80,000 hektar ini terletak di sebelah kanan tebing Sungai Perak. Pembangunan awal bermula sejak tahun 1953, iaitu kemudahan saliran telah dibina di kawasan yang seluas 2,600 hektar. Antara tahun 1961-1965, fasa 2, 3 dan 4 dibangunkan dengan kemudahan saliran dan pengairan yang meliputi keluasan tanah 61,514 hektar bagi tujuan penanaman padi.

Dalam tahun 1968, kerajaan negeri Perak telah mengagihkan tanah kepada penduduk tempatan untuk tujuan penanaman padi, tetapi usaha tersebut tidak mendapat kejayaan sepenuhnya. Oleh itu, pada tahun 1971, FELCRA telah diamanahkan oleh kerajaan negeri Perak untuk memulihkan 627 hektar estet padi yang telah diusahakan oleh 311 petani dan inisiatif FELCRA tersebut telah mencapai kejayaan.

Atas arahan Perdana Menteri ketika itu, Tun Abdul Razak, pada tahun 1976, FELCRA telah ditugaskan untuk membangunkan kawasan seluas 429 hektar untuk tanaman padi bagi menampung 120 orang bekas perajurit dan 50 orang petani tempatan. Hasil daripada kejayaan FELCRA tersebut Kerajaan Negeri Perak telah mempelawa FELCRA untuk membangunkan kawasan seluas 12,067 hektar.

Bicara hati dengan

### Puan Sa'idah Alias:



Puan Sa'idah Alias merupakan peserta awal peringkat kedua sejak tahun 1988. Beliau mendapat ladang sawit seluas tiga ekar, sawah juga seluas tiga ekar di samping sebuah rumah, apa yang dipanggil oleh beliau sebagai "hak milik tiga serangkai". Menceritakan bagaimana susahnyanya beliau dan keluarga sebelum menyertai rancangan ini, beliau mengucapkan syukur yang amat sangat kepada FELCRA kerana telah mengubah taraf hidup beliau sekeluarga. Ini amat bertepatan dengan Visi FELCRA iaitu Peserta Bersyukur No.1. Menurut beliau setiap bulan beliau mendapat elaun sara hidup sebanyak RM1000 disamping bantuan persekolahan sebanyak RM1500 dan imbuhan Hari Raya RM1500 setiap tahun. Walaupun pada permulaannya elaun sara hidup sebanyak RM300 sebulan, beliau gigih melakukan kerja sambilan untuk membesarkan keluarga sehingga kini. Seorang daripada anak beliau bekerja di FELCRA. Untuk menampung pendapatan keluarga beliau menjalankan perniagaan restoran yang berhampiran dengan Pusat Komuniti FELCRA Disamping banyak mendapat tempahan katering, Puan Sa'idah juga merupakan ahli dalam WADIRA dan bergiat aktif dalam aktiviti kemasyarakatan dan keagamaan. Berpuas hati dengan prasarana yang disediakan, beliau mencadangkan supaya FELCRA membina Balai Bomba untuk kemudahan penduduk setempat.



Perancangan pembangunan Seberang Perak ini adalah hasil kerjasama antara perunding tempatan dan luar negara disamping usaha gigih antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat. Firma perunding KPM khidmat bersama Snowy Mountain Engineering Corporation menjalankan kajian yang teliti pembangunan Seberang Perak dengan bantuan Bank Dunia (World Bank).

Pada tahun 1976, Firma Perunding Esam (Malaysia) Consultant dengan kerjasama Howard Humprey (United Kingdom) telah dilantik oleh Kerajaan Pusat untuk menjalankan penyelidikan tentang potensi dan kesesuaian tanah di Seberang Perak.

Hasilnya didapati tanah tersebut adalah sesuai untuk tanaman padi, kelapa sawit dan koko. Cadangan tersebut telah diterima oleh Bank Dunia dan perjanjian telah ditandatangani oleh Kerajaan Persekutuan dan Bank Dunia pada 6 Ogos 1981, bagi pinjaman sebanyak US\$50 Juta. Bagaimanapun jumlah tersebut telah dikurangkan kepada US\$46 Juta selepas penstrukturan semula dan seterusnya dikurangkan kepada US\$30 Juta.

Perlaksanaan projek Seberang Perak ini dilaksanakan secara pendekatan bersepadu yang melibatkan beberapa agensi kerajaan seperti Jabatan Perhilitan, MARDI, JKR, Pertubuhan Peladang, Jabatan Pengairan Dan Saliran, Jabatan Pertanian dan sebagainya. Ini melibatkan pembangunan 12,062 hektar tanah pertanian untuk tanaman padi, kelapa sawit dan koko. FELCRA telah diamanahkan untuk membangunkan 4,482 hektar untuk tanaman padi, 6,464 hektar untuk tanaman kelapa sawit dan 1,121 hektar untuk tanaman koko. Disamping itu, FELCRA juga terlibat dalam pemulihan 1,000 hektar kawasan padi yang lama yang terletak di cabang kiri saluran Seberang Perak.

Hasil dari pembangunan kawasan itu, sebuah bandar baru telah diwujudkan meliputi kawasan seluas 742 hektar yang dapat menampung 4,000 peserta dan keluarga mereka.

Seberang Perak merupakan model pembangunan yang berjaya dari segi penempatan baru dan menjadi estet padi milik peserta yang terbesar di dunia. Terdapat beberapa unsur kejayaan yang boleh dibanggakan:

- Ini merupakan satu pembangunan yang bersepadu (integrated) yang melibatkan lebih dari 20 agensi dan jabatan kerajaan. Kerjasama yang terjalin antara agensi tersebut boleh dibanggakan kerana ia mengatasi kerumitan birokrasi.
- Rancangan ini telah mendapat pengiktirafan dari Bank Dunia (World Bank) dengan bantuan kewangan/pinjaman dan khidmat nasihat yang diberikan untuk melaksanakan projek ini.
- Projek ini telah memenangi beberapa anugerah inovasi dan teknologi serta pengurusan projek pembangunan desa diperingkat nasional.
- Projek ini juga menjadi model pembangunan yang diikuti oleh negara membangun yang lain. Ia menjadi tumpuan universiti tempatan dan luar negara untuk melakukan kes kajian. Ia juga menjadi pusat lawatan oleh pengunjung tempatan dan asing.

Bicara hati dengan

## En. Isa Mat Wali



Berusia lebih dari 75 tahun, susuk tubuh pakcik Isa menampakkan jasad yang telah dimamah usia dengan dihinggapai berbagai jenis penyakit. Menyertai rancangan ini sejak tahun 1985, beliau bekerja gigih dengan mengambil upah di ladang untuk membesarkan anak seramai sebelas orang. Rasa bersyukur yang amat ketara di wajah beliau kerana kehidupan getir yang dialaminya telah berlalu dan seorang daripada anak beliau menjadi pengurus Felcra di Terengganu. Beliau menunjukkan keratan akhbar semasa mula menyertai rancangan ini dengan rumah kayu yang usang. Ternyata kini rumah yang beliau duduki amat selesa mempamerkan peningkatan taraf hidup yang ketara. Tidak dapat disangkal bahawa FELCRA merupakan agen perubahan yang menangani kemiskinan tegar dan mengangkat martabat hidup ramai peserta.

## TERATAK BATU TERPAHAT DI BATU TANDA KEJAYAAN

Gagasan penubuhan pembangunan In-situ ini adalah hasil dari percambahan minda antara Dato' Elyas Omar yang ketika itu Timbalan Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Encik Kamaruzzaman Abd Halim yang merupakan Ketua Pengarah FELCRA. Mereka menyedari bahawa tanah yang diperlukan untuk membuka Rancangan FELCRA adalah terbatas dan mencadangkan supaya memilih kawasan atau kampung yang sedia ada untuk dibangunkan semula dengan infrastruktur yang lengkap dan sistem pertanian yang moden. Cadangan mereka disokong dan diterima oleh Kementerian Tanah dan Wilayah dan Pembangunan In-situ dilaksanakan. Gagasan ini sejajar dan bertepatan dengan objektif dan hasrat FELCRA iaitu untuk meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar serta memulihkan dan menyatukan tanah terbiar.



Lawatan kerja KDYMM Sultan Kelantan ke projek In-situ Teratak Batu.

Teratak Batu iaitu sebuah kampung yang berhampiran dengan Pasir Puteh, Kelantan telah dipilih sebagai Projek Perintis (Pilot Project). Daripada kajian yang dibuat, didapati bahawa pendapatan purata penduduk kurang dari RM 300 sebulan dengan pegangan keluasan tanah yang tidak ekonomikal iaitu kurang dari 3 ekar. Aktiviti pertanian yang dijalankan tidak sistematik dan tidak memberikan hasil yang lumayan. Masalah sosio-ekonomi berleluasa dengan kadar pengangguran yang tinggi dan penghijrahan belia-belia ke bandar untuk mencari peluang pekerjaan.

Dengan peruntukan permulaan sebanyak RM 5 juta daripada Kementerian dan melibatkan 130 keluarga yang sedia ada, projek ini dimulakan dalam tahun 1978. Kampung Teratak Batu mempunyai keluasan 220 ekar yang telah ditanami kelapa sawit dan getah yang mempunyai penghasilan yang rendah. Disamping itu, terdapat padang ragut seluas 100 ekar untuk ternakan kecil-kecilan. Setiap penduduk harus menyerahkan tanah mereka untuk diusahakan oleh FELCRA. Kerajaan akan menyusun semula pegangan tersebut pada kadar berikut:

- Tanaman utama - 3 ekar
- Kebun buah-buahan - 1 ekar
- Tanaman kontan - 2 ekar
- Tapak rumah - 0.25 ekar

Disamping itu, rumah yang selesai dibina untuk mereka dengan kemudahan asas dan infrastruktur. Program ini telah mengubah wajah Teratak Batu dari kampung tradisional kepada penempatan yang bersistem dengan aktiviti ekonomi yang tersusun.

Uji kaji pembangunan In-situ Teratak Batu ini memerlukan perancangan yang rapi dan teliti. Terutamanya untuk mengubah minda penduduk kampung yang telah sekian lama selesa dengan kehidupan mereka yang tradisi. Untuk meyakinkan mereka menyerahkan tanah mereka untuk diusahakan oleh FELCRA bukanlah sesuatu yang mudah kerana bagi mereka tanah merupakan pemilikan harta yang harus dijaga oleh keluarga sendiri. Kempen yang meluas dengan bantuan kakitangan akademik dilancarkan dengan mempengaruhi pembuat keputusan (opinion leader) seperti imam dan ketua kampung. Mereka malah dibawa ke Kuala Lumpur untuk melawat Pusat Pertanian dan Penyelidikan bagi mendedahkan mereka kepada sistem pertanian moden.

Keunikan Teratak Batu ialah kesanggupan dan pengorbanan peserta menyerahkan tanah mereka untuk dimajukan oleh FELCRA. Secara tradisi hak milik tanah dipegang teguh dan dijaga rapi, jadi pengorbanan ini dapat dianggap sebagai satu anjakan paradigma yang unik.



## PEMBANGUNAN INSTITUSI MENGUKUHKAN MASYARAKAT LUAR BANDAR

Sebarang rancangan pembangunan mempunyai kesan sampingan yang menghasilkan pembangunan institusi yang memberikan faedah kepada sosio ekonomi dan masyarakat sekeliling. Dalam istilah ekonomi, hal ini dipanggil sebagai “externalities”. Dalam hal FELCRA, pembangunan koperasi dan WADIRA ialah contoh yang nyata.

### Koperasi yang Berdaya Saing

Ini merupakan gabungan koperasi-koperasi kecil yang terdapat di rancangan FELCRA di seluruh negara. Dengan jumlah 158 koperasi ia dianggotai seramai 53108 ahli. KPRF dapat dianggap sebagai tenaga ekonomi yang memberi khidmat kepada masyarakat FELCRA dan berusaha untuk memenuhi keperluan “penggantungan sendiri” (*self-sufficiency*) rancangan FELCRA.

Bergerak dalam bidang penghasilan dan pengangkutan hasil ladang merupakan antara aktiviti yang dijalankan, yang dahulunya dijalankan oleh kontraktor luar. Kedai runcit yang ditubuhkan adalah memenuhi keperluan harian peserta-peserta FELCRA. Dalam hal ini, bantuan dan sokongan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) banyak membantu dalam pembangunan kedai runcit. Antaranya adalah program transformasi kedai runcit (tukar) yang memberi geran sehingga \$63000 untuk pembesaran kedai dan penggunaan sistem “bar code”.

Diantara perniagaan yang menguntungkan ialah stesen minyak bagi memenuhi keperluan penduduk setempat. Koperasi ini juga memberikan perkhidmatan perbankan tanpa cawangan sebagai agen bank simpanan nasional (BSN) bagi memudahkan peserta-peserta membuat transaksi kewangan yang mudah seperti pembayaran bil. Di antara bidang baru yang diterokai adalah



pembangunan hartanah iaitu membina rumah kediaman dan rumah kedai. Dalam hal ini, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) membantu dalam memberikan pinjaman diantara RM50,000 sehingga RM2,000,000. Bidang pembuatan juga diceburi iaitu membuat kawat duri untuk memenuhi keperluan pemagaran di rancangan FELCRA. Dua kilang telah beroperasi iaitu di FELCRA Banggol Gajah Mati dan FELCRA Sri Bandi.

Kekangan yang dihadapi dalam pertumbuhan koperasi ini adalah dari segi pengurusan dan kepimpinan. Oleh kerana lembaga pengarah dilantik oleh ahli dan kebanyakan mereka tidak mempunyai pelajaran tinggi, perlantikan tersebut lebih cenderung kepada mereka atau ahli yang pandai bercakap dan bukan berdasarkan kemahiran dan tahap pendidikan. Dalam hal ini, FELCRA banyak membantu dengan kerjasama Suruhanjaya Koperasi Malaysia dengan memberikan kursus yang sesuai dalam Pengurusan Kewangan dan Pengurusan Koperasi di Maktab Kerjasama. Pendedahan ini penting untuk menjamin kejayaan dan kelangsungan koperasi tersebut. Bagaimanapun setakat ini tiada Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi yang gagal diadakan dan ini merupakan petanda baik yang koperasi tersebut diuruskan dengan baik dan teratur.

Dari segi prestasi Koperasi Peserta-peserta Rancangan FELCRA (KPR) telah menunjukkan prestasi yang memberangsangkan. Dilihat dari tahun kewangan 2014 jumlah perolehan yang didapati adalah sebanyak RM214,479,628 dengan keuntungan bersih sebanyak RM15,601,712. Dividen tahunan yang diagihkan kepada ahli-ahli menggalakkan malah antara koperasi yang dapat memberikan dividen sebanyak 20% iaitu KPR Rantau Panjang. Menurut senarai terbaru yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia tentang 100 terbaik enam Koperasi FELCRA termasuk dalam senarai tersebut.



## WADIRA Menyemai Benih Usahawan Kecil dan Perpaduan

WADIRA (Wanita Dinamis FELCRA) ialah perkumpulan wanita peserta di rancangan FELCRA yang ditubuhkan dalam tahun 1979 bermula di rancangan Seberang Perak dengan objektif utama untuk meningkatkan taraf ekonomi peserta. Tumpuan kegiatan adalah dalam aktiviti ekonomi, kemasyarakatan dan keagamaan. Kejayaan WADIRA di Seberang Perak telah mengilhamkan kegiatan serupa di langkawi yang dipanggil HEW (Hal Ehwal Wanita) yang terkenal perusahawan ikan perkasam. Memandangkan kejayaan WADIRA gerakan tersebut telah ditubuhkan di beberapa rancangan FELCRA di seluruh negara dan sehingga kini terdapat 81 WADIRA dengan keahlian seramai 16,476 ahli.

Memandangkan kepentingan WADIRA sebagai agen perubahan dalam sosio ekonomi peserta satu bahagian khusus FELCRA memantau dan memberikan bimbingan tentang perjalanan WADIRA supaya bergerak di landasan yang dirancang. Hal ini termasuk peruntukan kewangan bagi WADIRA memulakan operasinya. Antara bimbingan yang diberikan adalah mengadakan kelas bimbingan dalam keusahawanan dan kraf tangan. Malah di peringkat awal penubuhan WADIRA terdapat juga bantuan teknikal luar negara dari jepun dalam bidang kraf tangan dan jahitan.

Pengurusan setiap WADIRA dikendalikan oleh jawatankuasa yang dilantik setiap dua tahun sekali. Hal ini memberi peluang kepada peserta untuk mengurus organisasi mereka sendiri untuk kepentingan bersama. Antara bidang perniagaan yang diceburi adalah kedai runcit, katering, inap desa dan yang terbaru ialah perusahaan spa yang bercorak Islam. Sebanyak 10 peratus daripada keuntungan yang didapati daripada perniagaan tersebut diperuntukkan kepada tabung WADIRA setempat untuk kebajikan dan faedah bersama.



Usahawan.



Penternakan Lebah Kelulut.



## JEJAK JAYA TERUKIR KUKUH

### Pulau Banggi Berubah Wajah

Terletak di daerah Kudat, Sabah Pulau Banggi ialah sebuah pulau terpencil antara 76 buah pulau diperairan Sabah. Berkeluasan 126,573 ekar dihuni oleh 14,000 penduduk daripada suku kaum Ubian, Sulok, Kegayan, Baladik, Bajau Laut, Dusun Bonggi dan Melayu. Majoriti penduduk bekerja sebagai nelayan dan mengerjakan tanaman sara hidup. Rata-rata penduduk ialah golongan miskin tegar yang hidup dengan penuh kedaifan. Antara sebab utama FELCRA dijemput oleh kerajaan negeri Sabah untuk memajukan pulau ini termasuk untuk mengeluarkan penduduk dari putaran ganas kemiskinan dan juga disebabkan faktor keselamatan melalui projek pembangunan Agropolitan Pulau Banggi. Kedaifan penduduk digambarkan oleh keadaan rumah yang uzur dan usang, ketiadaan bekalan air bersih dan elektrik serta infrastruktur yang tidak tersusun. Dengan pembangunan Pulau Banggi yang diusahakan oleh FELCRA sejak tahun 2007 Pulau Banggi telah berubah wajah dengan penempatan baru yang tersusun. Dengan projek ekonomi, pendapatan penduduk projek Agropolitan ini telah bertambah dan kebanyakan mereka telah terkeluar daripada kemiskinan tegar. Di samping itu, masalah penghijrahan keluar penduduk telah dapat diatasi dan dengan pembangunan infrastruktur dan aktiviti ekonomi penduduk kembali semula untuk mengambil peluang pekerjaan dan perniagaan. Pembangunan modal insan juga akan membuka minda penduduk untuk mencari peluang mengubah corak kehidupan mereka. Sesungguhnya pembangunan Pulau Banggi merupakan campur tangan (*intervention*) kerajaan yang berjaya mengangkat taraf kehidupan rakyat yang tercicir daripada arus pembangunan. Pembangunan Pulau Banggi memberi impak yang tinggi oleh kerana pembangunan fizikal dan sosio ekonominya dilaksanakan dalam tempoh yang singkat, iaitu 7 tahun berbanding dengan pembangunan dengan kawasan yang lain yang mengambil masa selama 20 tahun.





Peta Negeri Sabah.

Red Names - Sulu Sanctuary Lodges

Gambar Kemudahan Telaga.



Gambar-Gambar Kenangan di Pulau Banggi

Jalan raya sebelum projek Agropolitan FELCRA Berhad.



Gambar Rumah di Kampung Padang.



Gambar Rumah di Kampung Damaran.



Gambar Projek Pembinaan Jana kuasa Elektrik.



Bot FELCRA Berhad yang dibeli pada tahun 2007.



Bot FELCRA Berhad tenggelam di pukul angin barat.



## Tujuh

### PENGERAK DAN PEMACU YANG MEWARNAI FELCRA

Kejayaan sesuatu organisasi digerakkan oleh pemegang amanah (*stakeholders*), Lembaga Pengarah yang diamanahkan serta kumpulan tenaga kerja yang komited dan berdedikasi. Mereka juga menjadi pemacu bagi menjamin kelangsungan yang mampan. Yang tidak dilupakan juga mereka yang telah menabur jasa bakti bagi meletakkan asas dan landasan yang kukuh untuk diikuti.



## SOKONGAN PADU KEMENTERIAN DAN AGENSI KERAJAAN



Sejak awal lagi penubuhan FELCRA bernaung di bawah pengawasan Kementeriannya Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Pembentukan polisi dan pelaksanaan Program FELCRA di bawah penyeliaan Kementerian berkenaan. Segala peruntukan kewangan yang disalurkan untuk pembiayaan Rancangan FELCRA melalui Rancangan Lima Tahun Malaysia adalah dibawah kementerian tersebut. Walaupun FELCRA telah dikorporatkan pada tahun 1997, kementerian masih memainkan peranan yang penting dan wakil Kementerian telah dilantik dalam Lembaga Pengarah FELCRA.

Untuk memupuk semangat keusahawanan, kementerian telah menganjurkan Karnival Usahawan Desa (KUD) untuk menyerlahkan usahawan-usahawan berjaya di bawah agensi-agensi kementerian. Anugerah dan ganjaran yang lumayan telah diberikan sebagai insentif bagi mereka meneruskan dan membesarkan perniagaan. Peserta-peserta FELCRA telah dapat merangkul beberapa anugerah dalam karnival tersebut.

## Menteri-Menteri Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW)



YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob  
2015 - sekarang



YB Dato' Seri Shafie bin Haji Apdal  
2009 - 2015



YB Tan Sri Muhammad Taib  
2006 - 2009



YB Dato' Seri Abdul Aziz bin Shamsuddin  
2004 - 2008



YB Dato Seri Azmi bin Khalid  
1999 - 2004



YAB Tun Abdul Razak Hussein  
1959 - 1969



YB Dato' Seri Sanusi bin Junid  
1981 - 1986



YAB Tun Abdul Ghafar bin Baba  
1969 - 1975, 1986 - 1993



YB Tan Sri Annuar Musa  
1993 - 1999

**BARISAN PENERUS FELCRA SEBELUM DIKORPORATKAN  
DARI TAHUN 1971 - 1993**



YBhg. Dato' Nasaruddin bin Bahari  
(31 Mei 1971 - 17 Julai 1971)



YBhg. Dato' Hj. Akasah bin Hj Abdul Rahman  
(1 April 1976 - 31 Dis 1983)



YBhg. Tuan Hj. Abdul Rahman bin Sabri  
(1 Feb 1984 - 31 Jan 1988)



YBhg. Dato' Hj. Md Noor bin Mat Dom  
(1 Feb 1988 - 31 Dis 1990)



YBhg. Dato' Hj. Arifin bin Said  
(1 Jan 1991 - 28 Feb 1993)

**BARISAN PENERUS FELCRA BERHAD SELEPAS DIKORPORATKAN  
DARI TAHUN 1997-2014**



YBhg. Dato' Ahmad Shahibuddin bin Hj. Mohd Nor  
(1 Mac 1993 - 31 Sept 2000)



YB Dato' Hamzah bin Zainudin  
(1 Okt 2000 - 31 Sept 2006)



YB Dato' Nasarudin bin Hashim  
(1 Okt 2006 - 15 Okt 2008)



YB Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman  
(16 Okt 2008 - 5 Mei 2013)

**KEPIMPINAN PENCETUS PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**

**MEMACU KEJAYAAN FELCRA BERHAD KE PUNCAK KEGEMILANGAN**

Pengerusi FELCRA Berhad terkini



YB. Dato' Sri Bung Moktar Radin

Mantan Ketua Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif  
FELCRA Berhad



YBhg. Dato' Hj. Akasah bin Hj Abdul Rahman  
(16 Ogos 1971 - 31 Mac 1976)



YBhg. Tuan Hj. Kamaruzzaman bin Abdul Halim  
(1 April 1976 - 31 Mac 1981)



YBhg. Dato' Mustafa bin Juman  
(1 April 1981 - 12 Nov 1997)



YBhg. Dato' Hj. Abdul Rahman bin Hj Daud  
(1 Jan 2004 - 7 Jul 2007)



YBhg. Tuan Hj. Ashaari bin Hj Yusoff  
(2 Nov 2001 - 31 Dis 2003)



YBhg. Dato' Hj. Ariff bin Ariffin  
(31 Nov 1997 - 1 Nov 2001)



YBhg. Dato' Hj. Mohd. Nasir bin Baba  
(7 Julai 2007 - April 2010)



YBhg. Dato' Hj. Juzilman bin Basir  
(April 2010 - 25 April 2013)



YBhg. Dato' Hj. Ramlee bin Abu Bakar  
(17 Julai 2013 - 25 Julai 2016)



YBhg. Tuan Zulkarnain bin Md Eusope

## 50 TAHUN MEMFENOMENAKAN PEMBANGUNAN

*50 Tahun yang lalu  
Kami redah hutan dan bukit bukau  
Mengharungi sungai dan lautan  
Membuka penempatan dan ladang  
Menginsankan tanah berlandaskan kehidupan  
Meredah kepayahan  
Demi sebuah gagasan....*

*Kini  
Menara FELCRA menjadi mercu tanda Negara  
Ekspresi dari pencapaian harapan dan matlamat  
Kilang Sawit dengan megah berdiri kukuh  
Lambang pembangunan perindustrian di desa  
Rumah Bina Negara membawa harapan  
Kepada generasi muda melengkapi sosio kehidupan  
Merubah kehidupan tradisional kepada moden  
Bahan sisa buangan yang dipandang sepi tidak bernilai  
Kini adalah emas hitam yang berharga  
Mengaplikasi Waste To Wealth mengoptimumkan perolehan Syarikat  
Mekanisasi, inovasi pertanian meningkatkan prestasi ladang*

*Dan...  
Hasilnya dikembalikan kepada peserta  
Demi kehidupan mereka yang lebih mapan....*

*Biarpun kami berjaya melengkap landscape sosio setempat  
Merentasi budaya, agama dan etnik rakyat  
Namun kami masih terus mendukung  
Cita-cita dan harapan Insan bergelar PESERTA  
Demi merealisasikan sebuah gagasan  
Membandarkan Luar Bandar*

*Nukilan:  
Rosidah Mohamed Jusin  
Komunikasi Korporat  
FELCRA Berhad*

**Mereka yang dikenang -  
Warga kerja FELCRA  
yang terawal**



**NGO di FELCRA**

Seiring dengan pencapaian dalam arus perdana, peranan beberapa NGO dalaman telah mewarnai syarikat sebagai pelengkap dan menyokong aktiviti berkaitan selaras dengan peranan masing-masing.

**1. Koperasi Kakitangan FELCRA (M) Berhad (KKF)**

Ditubuhkan pada 16 Mei 1978 di bawah Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia, KKF berperanan untuk meningkatkan sosio ekonomi anggota melalui pelbagai skim dan aktiviti pembiayaan dan perkhidmatan yang ditawarkan di samping memperolehi pulangan dividen dan bonus daripada modal yuran dan syer. Keanggotaan koperasi sehingga tahun 2015 adalah seramai 3,282 orang di seluruh negara.



**2. Kelab Kebajikan Kakitangan FELCRA (KEKAL)**

Telah diilhamkan penubuhannya pada 24 Disember 1985, KEKAL berperanan membantu ahli berkaitan aspek kebajikan, kesihatan, pendidikan dan bencana kepada staf dan keluarga termasuk ibu bapa. Peranan ini telah diperluas kepada pesara pesara FELCRA melalui keahlian seumur hidup sejak tahun 2005. Keahlian KEKAL sehingga kini adalah seramai 2,885 orang.

**3. Persatuan Eksekutif Kanan FELCRA Berhad (PEKKAF)**

PEKKAF telah diwujudkan di bawah akta pertubuhan pada tahun 12 Oktober 1975 sebagai mewakili staf dalam perbincangan ke arah memperkemas jentera pengurusan dan medan percambahan fikiran dua hala antara syarikat dengan staf bagi mencapai sasaran dan kemajuan serta kepentingan kerjaya, kebajikan, pengetahuan dan organisasi di kalangan 297 anggotanya.



#### 4. Kesatuan Eksekutif FELCRA (KEF)

KEF adalah sebuah Kesatuan Sekerja dalam kalangan staf bertaraf Penolong Eksekutif Kanan dan ke atas telah diluluskan penubuhannya pada 24 November 2000 sebagai penghubung dalam menyampaikan pandangan dan hasrat secara kolektif dalam kalangan ahli untuk dibincangkan dan dipertimbangkan melalui forum dan platform yang diperuntukan di bawah Akta Kesatuan Sekerja 1959.

#### 5. Kesatuan Kakitangan FELCRA (KESKAF)

KESKAF telah ditubuhkan pada 29 November 1973 di bawah Akta Kesatuan Sekerja 1960 menjadi sebuah badan NGO bagi membela nasib seramai 1161 orang ahli. Keahlian KESKAF meliputi semua peringkat staf akar umbi sehingga peringkat eksekutif dan menjadi badan perundingan serta perbincangan dua hala dengan pihak pengurusan dan majikan.

#### 6. Kelab Sukan Kakitangan FELCRA (KESURA)

KESURA berperanan sebagai sebuah badan yang memberikan tumpuan kepada aspek sukan, rekreasi dan riadah, di samping menjadi badan sokongan kepada aktiviti kemanusiaan, kerohanian dan kebajikan staf FELCRA Berhad. KESURA bertanggung jawab mewakili syarikat dalam penyertaan dan penganjuran aktiviti berkaitan selaras dengan keperluan di peringkat kementerian, jabatan, persekutuan dan negeri.



Mesyuarat Agong PEKKAF.

#### 7. PUSPANITA Cawangan Kecil FELCRA Berhad

Badan ini lebih menumpukan keahlian dalam kalangan staf wanita, suri bagi staf lelaki dan staf wanita yang telah bersara. Badan ini merupakan pelengkap kepada PUSPANITA di peringkat Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) yang telah diwujudkan pada 1 Mac 1983. Pelbagai aktiviti yang telah dilaksanakan sama ada berbentuk ilmiah, kebajikan, kerohanian, keagamaan, rekreasi serta sosial bagi memberi pendedahan dan perkongsian pengalaman dalam kalangan ahli dengan pelibatan dari pelbagai Jabatan dan agensi dalam kementerian mahupun di luar. Perannya turut diperluaskan dengan beberapa penganjuran program keusahawanan bagi mengembangkan potensi diri dan daya saing perniagaan dalam kalangan ahli yang berpotensi.



PUSPANITA.

#### 8. FELCRA FC

FELCRA FC merupakan sebuah Pasukan Kelab Bolasepak, yang membawa imej baru Syarikat dalam memperkukuh penjenamaan FELCRA Berhad di peringkat nasional. Kelab ini menjadi kebanggaan syarikat setelah menjulang kejuaraan di peringkat Liga Persatuan Bolasepak Kuala Lumpur (PBKL) pada tahun 2014. Melalui jalur putih dan merah pada jersi pasukan, "The Rival Army", mengibarkan panji perjuangan dengan megah mengukir nama sebagai peneraju di persada Piala FAM 2016.



Pasukan bolasepak FELCRA FC.



## Lapan

### MELANGKAH KE HADAPAN, LESTARIKAN KEJAYAAN

Melangkahi 5 dekad kewujudannya adalah satu prestasi yang membanggakan. Namun dilihat dari sudut sejarah korporat dunia, hal ini merupakan titik peralihan yang penting untuk menjamin kelangsungan 5 dekad yang akan datang. Menyediakan modal insan untuk menghadapi cabaran masa depan dan konsolidasi perniagaan amat penting. Pengembangan keluar pesisir juga perlu diteroka jika pengembangan dalam negeri terbatas. Masa hadapan membuka peluang yang cerah dan cabaran bersamanya. Cabaran ini dilangkahi dengan penyediaan yang rapi.



Setelah 5 dekad kewujudannya, FELCRA telah mengharungi pahit getir tadbir urus operasi dan pasang surut dunia perniagaan. Namun dekad yang mendatang tidak menjanjikan perjalanan yang sempurna dan boleh diduga kerana realiti persekitaran dan perniagaan pantas berubah. Oleh itu, FELCRA perlu menyediakan pasukan pengurusan yang bersiap siaga dan peka untuk menghadapi cabaran tersebut. Mereka akan dibekalkan dengan kemahiran baru, perubahan set minda untuk mendepani permasalahan baru. Dalam hal

ini FELCRA telah mengorak langkah dengan menghantar pasukan pengurusannya untuk menghadiri Management Development Programme yang dianjurkan oleh Asian Institute of Management di Filipina. Pendedahan sedemikian amat wajar untuk menyediakan pasukan pengurusan yang mantap. Bagi pendedahan perniagaan global di peringkat tinggi, pengurusan kanan juga dihantar mengikuti kursus di Harvard Business School, Amerika Syarikat.

Konsolidasi perniagaan juga harus sentiasa diperhalus bagi mendapatkan portfolio perniagaan yang serasi dan bersinergi antara satu sama lain. Pelbagai perniagaan tidak perlu dilakukan hanya untuk mempelbagaikan aktiviti kerana hasilnya akan membazirkan masa dan sumber yang ada; perkembangan dalam teknologi-bio yang menghasilkan hibrid tanaman baru harus dimanfaatkan. Begitu juga teknologi nano dan "*internet of things (iot)*".

Skop bagi pengembangan dalam negeri kini semakin terbatas terutamanya dalam sektor perladangan. Oleh itu, pengembangan aktiviti di luar pesisir ialah langkah yang wajar. Dalam hal ini, FELCRA telah mengorak langkah dengan melebarkan sayapnya di Indonesia, Cambodia dan Australia.

Salah satu portfolio perniagaan baru ialah pembangunan hartanah yang boleh memberikan pulangan yang menguntungkan, iaitu pembangunan hartanah hak milik FELCRA seperti di Jalan Semarak Kuala Lumpur, Seri Mendapat Melaka, Ulu Pauh Perlis, Pekan Kuah Langkawi, Grik dan Bidor di Perak. FELCRA juga memperluas pembangunan hartanah milik peserta melalui pembinaan rumah mampu milik untuk pesertanya dan generasi kedua seperti di Seberang Perak, Perak dan Seri Makmur, Pahang.





PRAPELANCARAN SAMBUTAN 50 TAHUN FELCRA Berhad dan PELEPASAN KEMBARA MEDIA JUBLI EMAS FELCRA Berhad



**PRAPELANCARAN SAMBUTAN 50 TAHUN FELCRA Berhad dan  
PELEPASAN KEMBARA MEDIA JUBLI EMAS FELCRA Berhad**



## LAGU & LIRIK

LAGU CIPTAAN : MOHAMMAD ABD. RAHMAN  
LIRIK CIPTAAN : MOHAMMAD ABD. RAHMAN  
PENERBIT : EDDIE HAMID  
PUBLISHING : NOVA MUSIC (M) SDN. BHD  
STUDIO RAKAMAN : NAR RECORD

**50 TAHUN GEMILANG FELCRA  
SEMANGAT WAJA KITA PERKASAKAN  
AZAM ILTIZAM KITA SEMARAKKAN  
ARUS PEMBANGUNAN KITA PERDANAKAN  
PRESTASI GEMILANG KITA LESTARIKAN**

**HALANGAN CABARAN DITEMPUH DIREDAH  
DENGAN AIRMATA KERINGAT MEMBASAH  
CEMERLANG TERBILANG MENEMPA SEJARAH  
50 TAHUN BERDIRI MEGAH**

**CHORUS  
BERSAMA KITA BERGANDING BAHU  
DI FELCRA KITA BERSATU...  
ARAS YANG KUKUH DAN JUGA JITU  
FELCRA MAJU KE ERA BARU...**

**1 ASPIRASI DAN 1 TEKAD  
JANA TRANSFORMASI DEMI UNTUK RAKYAT  
CRS KOMERSIAL SAMA DIPERKUAT  
MEMBANDARKAN LUAR BANDAR MENJADI MATLAMAT**

**50 TAHUN FELCRA TERUS CEKAL  
50 TAHUN RELEVAN DAN KEKAL  
CIPTA KEJAYAAN DOMESTIK DAN GLOBAL  
ONE ENTITY IN A UNITED WORLD**



## **Penghargaan**

*Sekalung penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tak langsung dalam menerbitkan buku ini.*

*Penghargaan juga diberikan kepada semua pihak yang telah menyumbang jasa dalam membina dan memajukan FELCRA.*



## **SIDANG REDAKSI**

### **Penaung**

**YB Dato' Sri Bung Moktar Radin**  
*Pengerusi FELCRA Berhad*

### **Penasihat**

**YBhg. Tuan Zulkarnain Md Eusope**  
*Ketua Pegawai Eksekutif FELCRA Berhad*

### **Ketua Pengarang**

**YBhg Tuan Hj. Jahare Abu Bakar**  
*Pengurus Besar Kumpulan  
Perhubungan Kerajaan dan Industri*

**Dato' Md. Ghazali Abd. Karim**  
*Ketua Pegawai Tugas-Tugas Khas*

### **Pengarang/Editor**

**Encik Mior Jamaluddin Mior Hamzah**  
*Pengurus Besar Sumber Manusia*

**Encik Mohammad Ab. Rahman**  
*Pengurus Besar Komunikasi & Keusahawanan*

**Tuan Haji Ismail Hussin**  
*Pengurus Kanan Pengawasan 1*

**Tuan Haji Mohd. Zailani Haji Yusof**  
*Pengurus Kanan Pengurusan Estet*

**Puan Rosidah Mohamed Jusin**  
*Pengurus Cawangan Komunikasi Korporat*


**Pengarah & Penulis**  
*Abd Rahim Abd Aziz*

**Rekabentuk & Artwork**  
*People & Bell Group Sdn Bhd*

ISBN 978-967-14601-0-8



9 789671 460108



*Mercu tanda baharu  
- Menara FELCRA*